



Seminar
Digitalisasi Koperasi
**PEMERKASAAN
TEKNOLOGI KEPADA
PERNIAGAAN DAN KOPERASI**

muka surat 07

**Digitalisasi
Pemangkin
Kemajuan Koperasi**

muka surat 16

Seminar Penyelidikan
**“Penyelidikan Pemangkin
Kecemerlangan Koperasi”**

muka surat 24

eBicara Ilmu
**Bisnes Berkat:
Jutawan Dunia Akhirat**



**LINDUNG
DIRI,
LINDUNG
SEMUA.**



**Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19**

**DKN
2030**
Majlis Koperasi Nasional



Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Bersyukur ke hadrat Allah SWT, penerbitan Majalah Info edisi pertama 2021 dapat diterbitkan. Syabas dan ribuan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan.

Sepanjang tahun 2021, Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah menganjurkan “Program Memasyarakatkan Koperasi MasKop 2021 (MasKop). Program MasKop ini merupakan salah satu aktiviti promosi tahunan yang dijalankan oleh IKM bagi menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada gerakan koperasi dan orang awam. Ia bertujuan untuk mendekatkan IKM dengan gerakan koperasi seluruh negara bagi memberi informasi berkaitan program latihan pembangunan modal insan koperasi yang dianjurkan oleh IKM sepanjang tahun 2021.

Berikutan pandemik COVID-19 yang masih lagi melanda seluruh dunia, IKM turut mengambil inisiatif beralih daripada ‘pengendalian latihan konvensional’ kepada ‘pembelajaran secara maya’. Hal ini juga selaras dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN) dan TransKoM (2021 - 2025) iaitu koperasi

perlu dilengkapi dengan ‘kemahiran abad ke-21’ supaya terus bertahan dalam persekitaran yang dinamik.

Secara keseluruhannya, sebanyak 382 kursus dijadualkan dan 430 program bimbingan bersasar akan dijalankan oleh IKM pada tahun ini. Program bersasar dan berfokus ini dijalankan di ibu pejabat dan di setiap Zon IKM bagi memberi impak maksimum ke arah mencapai matlamatnya.

Diharapkan menerusi program sebegini, secara tidak langsung Anggota Lembaga Koperasi dan pengurusan koperasi dapat mempersiapkan diri mereka menghadapi cabaran norma baharu dan mampu membantu kepimpinan koperasi mencari jalan penyelesaian terbaik bagi kelangsungan perniagaan koperasi dan terus kekal relevan dalam mendepani kemajuan dan perkembangan pasaran yang semakin dinamik.

Paparan Eksklusif Majalah Info bil. 1/2021 pada kali ini adalah mengenai Seminar Digitalisasi Koperasi bertajuk “Pemeriksaan Teknologi kepada Perniagaan dan Koperasi. Seminar ini telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan

Usahawan dan Koperasi (MEDAC), YB Dato Sri Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. YB Menteri juga turut melancarkan “Technology Lab” iaitu sebuah pusat yang dibangunkan oleh IKM khusus untuk memberi inspirasi dan membantu koperasi mengadaptasi teknologi digitalisasi terkini dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Pada keluaran kali ini juga, segmen istimewa bersama Ketua Pengarah IKM, Datuk Mohd Ali bin Mansor turut dimuatkan bagi berkongsi pengalaman, pandangan dan harapan beliau sebagai peneraju utama IKM untuk terus mengarus perdana gerakan koperasi di negara ini.

Beberapa artikel lain yang menarik turut diselitkan untuk tatapan para pembaca. Diharapkan keluaran kali ini dapat memberi informasi yang bermanfaat kepada seluruh warga koperasi di negara ini.

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA

Sekian,

Hamidah Mohd Jos

Sidang Editor

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Puan Hamidah Mohd Jos

Editor

Puan Nor Aslamiah Ali

Puan Nur Syazwani Zainul Abidin

Puan Wan Nur'Ain Wan Abd Rahim

Encik Mohamad Suandi Mortadza

Encik Hafizal Abu Bakar

Puan Norawati Ngatmin

Puan Hjh. Yusnita Othman

Encik Mohamad Haniff Mohamad Hashim

Puan Norul Hayatie Hashim

Puan Julizah Sabstu

Puan Nazirah Baharudin

Puan Maryam Hamidah Mohd Ghazi

Puan Nuur Fadzillah Zulkepli

Cik Zaharatul Laili Zakaria

Urus setia

Puan Sharepah Nur Azirah Shareh

Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Reka Cetak Sdn. Bhd.

www.rekacetak.com



Kandungan EKSKLUSIF

- 4 Seminar Digitalisasi Koperasi "Pemeriksaan Teknologi Kepada Perniagaan dan Koperasi"
- 7 Digitalisasi Pemangkin Kemajuan Koperasi

PROGRAM MEMASYARAKATKAN KOPERASI MasKop 2021 (MasKop)

- 11 Zon Tengah
- 12 Zon Sarawak
- 14 Zon Sabah
- 15 Zon Utara

FOKUS

- 16 Seminar Penyelidikan "Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Koperasi"

PERSPEKTIF

- 17 Adaptasi Pembelajaran Kursus Wajib Secara Maya Anjuran IKM Zon Selatan dapat Sambutan Baik
- 19 Bersediakah Anda Menerima Perubahan?
- 20 Kursus Wajib Anggota Lembaga Bersama Koperasi Kluster Koko Sabah Berhad
- 22 *Google For Small Business*
- 24 eBicara Ilmu Bisnes Berkat: Jutawan Dunia Akhirat
- 26 Pemeraksanaan Digitalisasi Gerakan Koperasi Melalui Program C.O.D.E
- 29 Kursus dan Lawatan Sektor Bersama Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad
- 31 Kursus dan Lawatan Pegawai Institut Koperasi Malaysia (IKM) bersama Koperasi Alumni Belia 4B Kelantan Berhad
- 33 "Anggota Sepakat, Koperasi Berkat"

JARINGAN

- 34 Kerjasama Strategik Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Bank Rakyat Berkaitan Program MiRiCLE
- 35 Kolaborasi IKM dan Koperasi Siswa ke Arah Pemeraksanaan Sistem Tadbir Urus yang Berkesan

BERITA KAKITANGAN

- 37 IKM Prihatin Bantu Masyarakat Melalui Program Komuniti Seluruh Negara
- 39 Program Khidmat Masyarakat (CSR) IKM Zon Sabah
- 41 Lawatan Kerja Ketua Pengarah IKM ke IKM Zon Timur
- 42 Program Pasca Banjir Bersama Gerakan Koperasi Negeri Pahang
- 44 Program Khidmat Masyarakat "Sentuhan Kasih"
- 46 Khidmat Masyarakat Ukhuwah Ramadan Al-Mubarak anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Seminar Digitalisasi Koperasi “Pemeriksaan Teknologi Kepada Perniagaan dan Koperasi”

Nor Azlina Kassim

Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
norazlina@ikkm.edu.my



Pusat Teknologi maklumat & Komunikasi (ICT) telah menganjurkan program Seminar Digitalisasi Koperasi bertemakan “Pemeriksaan Teknologi Kepada Perniagaan dan Koperasi” pada 6 April 2021 yang lalu. Peserta bagi seminar ini terdiri daripada koperator daripada barisan pengurusan dan pentadbiran, usahawan dan juga individu yang berminat untuk memperkasa perniagaan dan koperasi, membantu meningkatkan kecekapan perniagaan, meningkatkan jualan dan mengekalkan kesetiaan pelanggan serta mengawal reputasi perniagaan menerusi penggunaan teknologi. Program selama satu



YB Dato Seri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar bergambar bersama Tetamu Kehormat selepas menandatangani plak digital Pelancaran Technology Lab IR 4.0.



YB Dato Seri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar sempat singgah di Terowong Masa IKM selepas Majlis Perasmian Seminar.

hari ini dilaksanakan secara dalam talian menggunakan aplikasi ZOOM dengan kehadiran seramai 283 orang peserta dalam kalangan usahawan, koperator, serta agensi seluruh Malaysia. Terdapat empat kertas kerja dibentangkan dalam program ini oleh para penceramah yang berpengetahuan luas dalam bidang masing-masing.

Antara penceramah yang mengendalikan setiap sesi dalam seminar ini adalah daripada pakar yang berpengalaman dalam bidang industri IR 4.0 dan pengamal industri iaitu Encik Kamaruzzaman bin Jahidin (Pengerusi, Powernode Solutions Sdn Bhd), Dato Seri Md Zabid bin Hj. Abd Rashid, Pengerusi Koperasi Profesional Wilayah Berhad, Encik Mohd Syaiful Izwan bin Muhammad Suwarno, Pengarah Eksekutif Setgro Group dan Encik Nor Adzuan bin Mohamad, Pengurus Unit Dron, Koperasi Ladang Berhad.

Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar ini dengan penyertaan aktif daripada para peserta. Sesi pertama bertajuk "Apa itu

IR 4.0" telah disampaikan oleh Encik Kamaruzzaman bin Jahidin yang memberi kefahaman kepada peserta berkaitan transformasi digital dalam membantu pembuatan keputusan dan analisis data serta mengapa perlu adanya transformasi digital. Sesi ke-2 bertajuk "Aplikasi Big Data Analytics dalam Perniagaan", di mana Dato Seri Md Zabid bin Hj. Abd Rashid berkongsi tentang apa itu data raya (Big Data) serta bagaimana Analitik Data Raya ini membantu dalam perniagaan sama ada perniagaan besar, sederhana, kecil mahupun kepada koperasi. Manakala sesi ke-3 pula bertajuk "Automasi Pengurusan Ladang" oleh Encik Mohd Syaiful Izwan bin Muhammad Suwarno menerangkan kepentingan kaedah penyelenggaraan

dan sistem pengurusan ruang penyimpanan produk atau inventori sesebuah perniagaan. Sesi ke-4 bertajuk "Perkongsi Pengalaman - Bagaimana IR 4.0 Membantu Perniagaan Saya" telah disampaikan oleh Encik Nor Adzuan bin Mohamad. Beliau memaklumkan bagaimana teknologi yang digunakan oleh koperasi beliau telah berjaya



YB Dato Seri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar sedang menandatangani plak digital Pelancaran Technology Lab IR 4.0.



EKSKLUSIF



YB Dato Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyerahkan sijil penyertaan kepada salah seorang wakil Rakan Strategik Technology Lab IR 4.0, Puan Suzita Tusirin dari Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad.



YBhg. Datuk Seri Mohd Zabid sedang membicarakan topik 'Big Data Analytic'.

membantu mengurangkan kos pengurusan ladang dan seterusnya meningkatkan pendapatan koperasi. Teknologi yang digunakan juga telah memudahkan mereka memantau keseluruhan ladang dengan lebih efisien.

Seminar Digitalisasi Koperasi ini telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Di dalam majlis yang sama juga, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar juga berbesar hati melancarkan Technology Lab, iaitu sebuah makmal yang dibangunkan oleh Institut Koperasi Malaysia khusus untuk memberi inspirasi dan membantu koperasi mengadaptasi teknologi terkini dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Dalam ucapan perasmian, beliau menggesa anggota koperasi khususnya pemimpin koperasi untuk melengkapkan diri dan perniagaan dengan teknologi terkini seterusnya mendigitalkan operasi perniagaan supaya dapat terus bertahan dalam persekitaran dinamik ini. Tambahan masa sukar kini dengan

cabaran mendepani pandemik COVID-19, kepimpinan koperasi perlu siap siaga mencari jalan penyelesaian terbaik bagi kelangsungan perniagaan koperasi. Justeru, teknologi IR 4.0 perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar koperasi mampu bersaing dan terus kekal relevan dalam mendepani kemajuan dan perkembangan pasaran yang semakin dinamik.

Di dalam majlis yang sama juga, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar turut menyempurnakan Penyerahan Watikah Pelantikan kepada Ahli Lembaga Pengarah IKM yang baharu dilantik, Penyerahan Pelantikan Penulis Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia, Penyerahan MoU kepada Rakan Strategik Technology Lab IR 4.0 dan



Antara peserta yang hadir secara dalam talian.

Penyerahan Sijil kepada Peserta Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (C.O.D.E.).

Secara keseluruhannya, seminar ini berjaya mencapai objektif seperti yang diharapkan. Semoga program seumpama ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang dalam memberi pendedahan kepada koperasi-koperasi berkaitan teknologi terkini bagi mendepani arus Revolusi Industri 4.0.

Digitalisasi Pemangkin Kemajuan Koperasi

Borhan Mat Aris
Unit Komunikasi Korporat
borhan@ikkm.edu.my



Pelantikan Datuk Mohd Ali bin Mansor sebagai Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKM) oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar berkuat kuasa 8 Februari 2021 memberikan ruang kepada beliau untuk terus menabur khidmat bakti kepada gerakan koperasi di negara ini. Datuk Mohd Ali sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengembang Koperasi di Jabatan Pembangunan Koperasi (kini Suruhanjaya Koperasi Malaysia – SKM) pada 2004 hingga 2007. Ini bermakna koperasi bukan bidang asing kepada beliau dan dengan pengalaman yang dilalui beliau dapat memahami keperluan dan inspirasi untuk memaju dan mengembangkan pendidikan koperasi di negara ini.

Soalan 1:

Selamat datang ke Institut Koperasi Malaysia. Boleh Datuk berkongsi pengalaman dalam sektor koperasi dan bidang-bidang yang pernah diceburi oleh Datuk?

Terima kasih. Sebenarnya dunia koperasi amat dekat kepada saya. Saya pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengembang Koperasi di Jabatan Pembangunan Koperasi. Pengalaman tersebut amat berguna untuk membantu saya dalam

menjalankan tugas sebagai Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia. Pengalaman selama 4 tahun ini banyak memberi peluang kepada saya untuk mengenali koperasi dengan lebih dekat. Saya melihat bagaimana perlunya para anggota dan pemimpin koperasi untuk mendalami ilmu koperasi supaya koperasi itu tetap utuh sebagai institusi.

Saya memulakan kerjaya di dalam bidang latihan apabila bertugas di Biro Tatanegara JPM. Selepas itu, saya

menjalankan perniagaan sendiri di dalam bidang konsultasi, program dan latihan. Antara pelanggan syarikat saya adalah Proton Berhad PHN Industries, LADA Langkawi, Kejora, Lembaga Kraftangan Malaysia, MARA Holdings dan beberapa lagi pelanggan korporat dan institusi. Saya juga berpeluang menduduki ahli lembaga pengarah syarikat kerajaan iaitu MARDEC Berhad. Saya juga mendapat pendedahan di sektor kewangan apabila menjadi antara Kumpulan Konsultan



terbaik bagi SBB Mutu Berhad bagi tempoh 2000-2005.

Di dalam bidang pendidikan saya diberi peluang menjadi Ketua Pegawai Eksekutif di Yayasan Pelajaran MARA sehingga 2009 dan kemudiannya sebagai Pengarah Projek HELP 3 (Dana Pinjaman Pendidikan Tinggi) sehingga 2010. Saya kemudiannya berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah UiTM sehingga dan dilantik sebagai Pengerusi UiTM Holdings mulai 2010 sehingga 13 April 2014.

Saya juga pernah bertugas sebagai Pegawai Khas kepada YB Menteri Belia dan Sukan (12 Julai 2012 - 13 April 2013), Setiausaha Politik kepada YB Menteri Komunikasi dan Multimedia (16 Mei 2013 - 29 Julai 2015) dan Setiausaha Politik kepada YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (3 Ogos 2015 - 9 Mei 2018).

Bagi saya secara umumnya sektor koperasi di negara ini berkembang maju sejak gerakan koperasi diperkenalkan pada tahun 1922. Begitu juga dengan pendidikan berkaitan koperasi. Institut Koperasi Malaysia yang ditubuhkan pada 1956 dan diperbadankan pada

1968 banyak memainkan peranan dalam mengembangkan pelajaran berkaitan koperasi dan sehingga hari ini, Institut Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya institusi pendidikan koperasi di negara ini yang diberi amanah oleh kewangan.

Pendidikan koperasi bukan hanya tertakluk kepada perkara-perkara asas seperti falsafah, prinsip, amalan dan konsep berkoperasi malah Institut Koperasi Malaysia turut memberi pendidikan semasa berkaitan pengurusan, pentadbiran, perakaunan dan juga memperkenalkan penggunaan teknologi dengan berkesan kepada koperasi.

Kini koperasi juga melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti ekonomi yang memerlukan kefahaman dan kemahiran teknologi semasa. Koperasi tidak boleh ketinggalan dalam kemahiran teknologi. Ini menjadi cabaran kepada peranan IKM kerana kepimpinan dan

tenaga kerja dalam sektor koperasi juga perlu dilatih dalam bidang teknologi bagi menyemarakkan perkembangan perniagaan koperasi.

Ini amat bertepatan dengan seruan pemerkasaan digitalisasi dalam gerakan koperasi sebagaimana yang disarankan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia. Wawasan YB Menteri MEDAC agar digitalisasi dapat membantu koperasi dalam pelbagai perkara dan sudah tentu pengendaliannya memerlukan kemahiran dan pengetahuan daripada mereka yang berada dalam sektor ini. Di sinilah pentingnya pendidikan sepanjang hayat yang boleh menambah baik pencapaian koperasi dan melestarikan perkhidmatan koperasi kepada para anggotanya.

Soalan 2:

Pada pandangan Datuk apakah jenis kursus yang dilaksanakan oleh Institut Koperasi Malaysia bersesuaian dengan cabaran baru sektor ini?

Kursus yang dikendalikan oleh Institut Koperasi Malaysia merangkumi kursus-kursus berkaitan koperasi seperti pentadbiran, kewangan dan juga teknologi maklumat. Dengan pesatnya perkembangan teknologi kini, IKM sudah tentu sentiasa meneroka kursus-kursus berkaitan bidang baru. Ini keutamaan kepada kami di IKM dan seramai 92 Pegawai Latihan perlu memberikan tumpuan untuk melatih koperator khususnya dalam ilmu baru seperti digitalisasi, teknologi maklumat dan kewangan. Keberkesanan kursus yang dikendalikan oleh IKM juga perlu kami diambil kira kerana jumlah koperasi berada di seluruh negara agak besar.

Sebab itu IKM telah mewujudkan pejabat di enam zon di seluruh negara untuk memberi khidmat langsung



kepada koperasi. Zon Utara merangkumi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang; Zon Timur memberi khidmat di Kelantan, Terengganu dan Pahang; Zon Selatan bagi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan; Zon Tengah bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Bagi saya IKM perlu juga mengorak langkah dalam menyediakan kursus-kursus pensijilan profesional supaya para operator dan kepimpinan koperasi berpeluang menambah ilmu pengetahuan yang boleh mengukuhkan kedudukan koperasi. Kursus pensijilan profesional kini menjadi pilihan ramai dan kami di IKM telah mengorak langkah untuk memberi keutamaan bagi kursus seperti ini.

Soalan 3:

Bersesuaian dengan pencapaian koperasi masa kini, apakah perancangan Institut Koperasi Malaysia untuk memantapkan pengetahuan operator supaya sektor koperasi boleh menyumbang lebih banyak kepada KDNK?

Pada masa pandemik COVID-19 ini banyak norma baharu yang memerlukan pengetahuan baru untuk diuruskan termasuk juga dalam sektor koperasi. Kaedah berkursus juga tidak lagi hanya bersemuka tapi dikendalikan secara dalam talian. Norma baru ini sudah mula diterima ramai dan kaedah ini nampaknya berkesan kerana ia boleh menjimatkan masa, tenaga dan juga perbelanjaan kepada para peserta.

Dalam hal ini apa yang lebih penting ialah IKM perlu menilai pentingnya kursus berkenaan dan kursus itu juga merupakan perkara baru untuk mereka ketahui. Lebih jauh daripada itu perlu juga dilihat apakah kesan daripada kursus tersebut terutamanya kesan untuk memajukan ekonomi diri sendiri dan juga koperasi. Ini penting kerana fokus mereka kepada

falsafah kemakmuran bersama melalui koperasi dapat diterjemahkan melalui kursus yang mereka hadiri.

Pada masa ini IKM telah mempunyai pelbagai kursus dan latihan untuk memantapkan ilmu dan keilmuan koperasi. Pendidikan koperasi sebegini telah berjalan sejak sekian lama dan memang ianya memberi manfaat kepada operator.

Cuma dalam pendekatan baru, IKM merancang untuk mengadakan pelbagai kursus pensijilan profesional yang dapat meningkatkan lagi kualiti pendidikan koperasi untuk para operator dan masyarakat.

Dalam melaksanakan perancangan kursus sebegini, IKM perlu mengenal pasti bidang yang diperlukan oleh koperasi dan penilaian secara menyeluruh juga perlu dibuat supaya ianya benar-benar memenuhi keperluan kepada kehendak koperasi.

Cadangan kursus sebegini akan diperhalusi oleh IKM sebelum diangkat untuk persetujuan di peringkat Kementerian. Kaedah perlaksanaan yang berkesan juga perlu dicari supaya apa yang dibelanjakan nanti dapat meningkatkan lagi pencapaian koperasi. Insha Allah akan ada kursus-kursus baru untuk masyarakat koperasi.

Dalam pada itu IKM akan meneruskan program sedia ada MiRiCLE, C.O.D.E dan F.A.S.T untuk kebaikan koperasi dan program ini juga telah membuahkan kejayaan. Koperasi juga mendapat manfaat daripada bimbingan IKM ini.

Soalan 4:

Bagaimana Institut Koperasi Malaysia boleh membantu koperasi dalam menjayakan kegiatan ekonomi mereka?

Memang salah satu tugas IKM adalah untuk membantu dan meningkatkan pencapaian koperasi. Dalam hal ini IKM membantu koperasi dalam urusan pentadbiran

koperasi, menunjuk cara membuat dan menyediakan akaun serta membantu koperasi dalam urusan mengendalikan projek ekonomi. Cabang latihan yang dikendalikan oleh IKM juga adalah untuk memenuhi keperluan koperasi.

Pegawai Latihan dari IKM akan turun padang dalam memberi tunjuk ajar dan bersama-sama dalam urusan tunjuk cara menguruskan projek. Bagi IKM apa yang lebih penting ialah berkongsi pengetahuan berkaitan projek berkenaan dan memberikan sepenuh sokongan dalam menjayakan aktiviti yang dijalankan oleh koperasi.

Sehingga kini memang usaha ini boleh merancakkan minat koperasi untuk menjayakan sesuatu projek. Ini kerana koperasi yang akan menentukan aktiviti yang hendak mereka jalankan dan pegawai IKM membantu dari segi ilmu pengetahuan. Saya berterima kasih kepada koperasi yang menyambut baik usaha IKM ini cuma jumlah bimbingan itu terhad kerana jumlah warga kerja IKM yang membimbing agak terbatas.

Meskipun bukan mudah untuk memenuhi semua keperluan kursus koperasi, IKM tetap memaksimumkan peranan memberi pendidikan bagi memenuhi keperluan koperasi.

Dengan adanya kerjasama erat di antara Institut Koperasi Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan juga Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) serta sokongan padu daripada MEDAC, usaha yang dibuat IKM ini mampu mencapai kejayaan.

Soalan 5:

Apakah perancangan IKM dalam usaha memantapkan lagi pencapaian koperasi di negara ini?

Bagi memenuhi keperluan koperasi, IKM sentiasa merancang untuk sentiasa menambah baik perkhidmatan yang



EKSKLUSIF

diberi. Kini IKM memberi tumpuan kepada program digitalisasi untuk koperasi. Ilmu digitalisasi ini perlu disebar luas untuk lebih bermanfaat kepada koperasi.

Technology Lab IR 4.0 yang diwujudkan oleh IKM dengan kerjasama rakan-rakan strategik pemain industri boleh membantu mempercepatkan penerapan ilmu pengetahuan digitalisasi ini. Apa yang penting ialah koperasi mesti menyambut peluang ini dengan sentiasa mengikuti perkembangan ilmu digitalisasi ini.

IKM juga mengajak semua koperasi untuk sama-sama mengorak langkah dalam dunia digital dan kami juga mengharap agar pelbagai idea dapat dikongsi bersama-sama untuk kemajuan koperasi.

Bersesuaian dengan pengumuman Perdana Menteri Malaysia YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin untuk menubuhkan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) semasa melancarkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 - 2025 (TRANSKOM), IKM membuat persediaan ke arah membantu usaha tersebut.

Dengan adanya universiti koperasi itu nanti, peluang masyarakat khususnya pengurusan dalam sektor koperasi berpeluang menambah ilmu pengetahuan secara formal bagi membantu meningkatkan pencapaian koperasi masing-masing. Ia juga mampu membekal modal insan kepada sektor ini apabila graduan-graduan yang dilahirkan mampu memperkasa pengurusan yang ada.

Sebab itu Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar begitu memberi penekanan kepada pembangunan perniagaan koperasi yang berimpak tinggi dan menggunakan kemudahan teknologi terkini.

Galakan dan sokongan daripada YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi ini menjadi

inspirasi kepada kami di IKM untuk terus menyemarakkan lagi dunia pendidikan koperasi sebagaimana termaktub dalam Akta Penubuhan IKM.

Usaha yang dibuat juga lebih fokus kepada memajukan perniagaan koperasi dan sudah tentu sokongan pelbagai pihak amatlah diharapkan supaya sektor koperasi boleh berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk kemajuan bersama.

Soalan 6 :

Apakah harapan dan saranan Datuk kepada masyarakat dalam menjayakan sektor koperasi negara.

Bagi saya usaha memajukan koperasi ini tanggungjawab bersama. Kita punya matlamat dan impian yang sama iaitu untuk melihat kemajuan dan kejayaan koperasi. Ini tidak boleh dikesampingkan kerana usaha bersama-sama itu penting. Kita perlu bergerak bersama. Sektor koperasi juga perlu boleh memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ini boleh diperkasa dan koperasi perlu berani untuk meneroka bidang perniagaan baru yang boleh memberikan pulangan ekonomi yang lebih kepada mereka. Di sinilah ilmu pengetahuan perlu diperkasa.

Satu lagi perkara yang saya akan berikan tumpuan ialah untuk menarik minat warga golongan muda berminat dengan institusi koperasi. Mereka perlu diterapkan dengan ilmu kebaikan berkoperasi dan menjalankan aktiviti ekonomi secara bersama-sama.

IKM melihat golongan muda perlu diterap dan didekati bagi memberikan kefahaman kepada mereka mengenai koperasi. Mereka telah didedahkan dengan koperasi semasa mereka di sekolah menengah dan bagi kami apa yang boleh dibuat ialah menggalakkan mereka berkoperasi selepas tamat pembelajaran di peringkat menengah.

Di pusat pengajian tinggi pula, sudah banyak koperasi siswa telah ditubuhkan dan mereka digalakkan untuk melibatkan diri. Apa yang boleh diberi penekanan ialah golongan muda ini secara berterusan perlu diterapkan dengan ilmu berkoperasi.

IKM juga merancang untuk mewujudkan sistem keahlian dalam memperkasa sektor koperasi. Dengan menjadi ahli institut ini, mereka akan dibekalkan dengan maklumat terkini termasuklah kursus, jurnal koperasi, buletin dan lain-lain. Dengan jumlah koperasi melebihi 14 ribu buah dan keanggotaan individu melebihi 6.1 juta orang, IKM mengharap pendekatan sebegini boleh menghasilkan kejayaan.

Selain itu IKM juga mengatur pelbagai program tanggungjawab sosial koperasi (CSR) dalam menyantuni koperasi dan segenap lapisan masyarakat agar mereka lebih dekat dengan dunia koperasi.

Insha Allah, IKM berusaha ke arah itu dan berharap semua pihak terutamanya gerakan koperasi memberikan sepenuh sokongan kepada usaha ini dan bersama-sama dengan IKM demi untuk kemajuan dan kemakmuran bersama.





Program Memasyarakatkan Koperasi MasKop 2021 (MasKop)

Zon Tengah

Zon Tengah
Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah
tengah@ikkm.edu.my



Encik Mohd Zaib Mat Yunus, TKPPMI turut serta dalam majlis tersebut.



Encik Christopher John Baptist, Pengarah IKM Zon Tengah menyampaikan taklimat IKM.

Pada awal tahun 2021 yang lalu, Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah telah melaksanakan tiga program Bicara Ilmu sempena program Memasyarakatkan Koperasi MasKop 2021 (MasKop) Program ini diadakan secara dalam talian yang melibatkan stesen Selangor, Ipoh dan Tanjung Malim.

Program Bicara Ilmu yang pertama telah diadakan pada 18 Januari 2021 secara kolaborasi dengan Pusat ICT bertema 'Membudayakan Digitalisasi dalam Koperasi'. Dua orang penceramah telah diundang bagi program ini. Sesi pertama bertajuk *Smart Farming* 'Pertanian Era IR4.0' disampaikan oleh Encik Mohammad Syukri bin Mohd Nasir, Senior Executive of Business Development. Beliau berkongsi tentang teknologi yang diguna pakai dalam *Smart Farming* bagi membantu meningkatkan hasil pertanian dan penternakan. Manakala sesi kedua bertajuk *e-Wallet & Payment Gateway*: 'Trend Terkini Koperasi' disampaikan oleh Encik Abd Azharee bin Abd Wahid, CEO Akademi Usahawan Mikro. Beliau berkongsi tentang kepentingan teknologi *e-Wallet & Payment Gateway* sebagai

kaedah pembayaran terkini yang boleh diaplikasikan oleh koperasi.

Bicara Ilmu kedua diadakan pada 26 Januari 2021. Pengerusi Koperasi Alam Hijau Perak Berhad iaitu Assoc. Prof. Dr. Richard Ng berkongsi kisah kejayaan koperasinya yang kekal relevan dalam menjalankan aktiviti *Social Enterprise (SE)*. Perusahaan sosial di Malaysia mempunyai peluang yang besar untuk dijadikan sebagai satu organisasi pekerjaan yang stabil dan dapat menyatukan semua lapisan masyarakat termasuklah komuniti terpinggir. Melalui program ini, koperasi bergiat aktif dalam menggalakkan anggota dan masyarakat setempat menyertai aktiviti kitar semula. Koperasi ini sebagai badan perusahaan sosial menggalakkan anggota-anggotanya mencapai konsep 3P iaitu *Planet, People* dan *Profit*. Ia dilihat mampu untuk merealisasikan 17 matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Koperasi telah menerima pelbagai anugerah/pengiktirafan peringkat domestik dan antarabangsa.

(*Best of the Best* dan *Best in Climate Change, JCIMSDA 2018*).

Bicara Ilmu seterusnya diadakan pada 18 Mac 2021 dengan perkongsian kisah kejayaan Koperasi Pekerja-pekerja Majlis Bandaraya Ipoh Berhad (KPPMBIB) yang tersenarai di angka ke-70 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi 2020. Sesi perkongsian ini disampaikan oleh Encik Mahendran a/l Suppiah Raman yang merupakan Setiausaha Koperasi. Antara perkongsian menarik beliau adalah bagaimana koperasi telah berjaya memenuhi keperluan anggotanya melalui perkhidmatan terbaik dan berjaya mengekalkan sifar *Nonperforming Loan (NPL)* dalam aktiviti kredit yang merupakan aktiviti utama koperasi.

Secara keseluruhannya, Bicara Ilmu sempena program Memasyarakatkan Koperasi MasKop 2021 (MasKop) sangat bermanfaat dan diharapkan dapat memberikan cetusan idea kepada koperasi dalam meletakkan agenda kemasyarakatan sebagai keutamaan dan menggerakkan koperasi dengan lebih bertanggungjawab bagi mendepani cabaran isu pandemik COVID-19.



PROGRAM MEMASYARAKATKAN KOPERASI MASKOP 2021 (MasKop)

Zon Sarawak

Mohamad Suandi Mortadza
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak
msuandi@ikkm.edu.my



YB Menteri dan YB ADUN ketika berkunjung ke Pameran IKM Zon Sarawak.



YB Menteri dan YB ADUN tertarik dengan produk koperasi dan usahawan yang dipamerkan.



YB Menteri ketika menyampaikan Ucapan Perasmian

Program Memasyarakatkan Koperasi MasKop 2021 (MasKop) telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Dr Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) di Dewan Mahligai Gading Lundu pada 27 Mac 2021 yang lalu. Program Malaysia Prihatin merupakan siri program YB Menteri dalam menggalakkan usaha pendaftaran rakyat dalam Program Vaksinisasi Kebangsaan serta menerangkan Proklamasi Darurat kepada rakyat Malaysia. Tujuan utama Program Memasyarakatkan Koperasi adalah untuk memberi informasi kepada koperasi dalam merebut peluang tahun 2021 dari segi latihan, perniagaan dan ekonomi serta maklumat mengenai bantuan dan sokongan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dalam menjayakan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030. Selain itu, Institut

Koperasi Malaysia (IKM) juga berkongsi mengenai lima teras strategik untuk dilaksanakan sepanjang 2021 sehingga 2025.

Program ini telah dihadiri juga oleh YB Datin Patinggi Datuk Amar Hajah Jamilah binti Hj Anu ADUN N3 Tanjung Datu, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKM) YBhg Datuk Mohd Ali bin Mansor, Dr. Hajah Salmah binti Ishak, Setiausaha Bahagian Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Encik Gustian bin Hj Durani, Pegawai Daerah Lundu.

Ketika Ucapan Perasmian, YB Menteri telah menekankan sasaran MEDAC yang mahukan gerakan koperasi menyumbang RM100 bilion menjelang 2030 kelak. Sehubungan itu, beliau menyeru gerakan koperasi mempelbagaikan perniagaan baharu untuk menggandakan pendapatan koperasi. Institut Koperasi Malaysia juga akan terus diperkasa untuk menyediakan

PROGRAM MEMASYARAKATKAN KOPERASI MASKOP 2021 (MasKop)



Encik Mohamad Suandi bin Mortadza ketika menyampaikan Taklimat IKM.



Ketua Pengarah IKM ketika menyampaikan ucapan aluan.

latihan yang lebih komprehensif kepada koperator. Justeru, visi MEDAC untuk menaik taraf IKM kepada universiti akan mendukung usaha membantu kerajaan menangani 'mismatch' di antara graduan pengajian tinggi dan kehendak industri. Ketika Ketua Pengarah IKM menyampaikan ucapan aluan, beliau juga berharap daripada program yang diadakan di Lundu kali ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh koperator dan juga usahawan yang hadir. Menurut beliau, Daerah Lundu memiliki keindahan alam semula jadi yang amat menarik. Potensi besar ini perlu diterokai oleh koperator dan usahawan bagi merencanakan perkembangan industri pelancongan dan juga industri-industri lain yang akan muncul selepas itu. Beliau berharap perkongsian yang dibawa oleh IKM memacu perkembangan gerakan koperasi di Bumi Kenyalang.

IKM Zon Sarawak juga telah menerangkan Taklimat Program IKM yang telah disampaikan oleh Encik Mohamad Suandi bin Mortadza (Pegawai Latihan Kanan IKM) dalam program pada kali ini. Manakala, Encik Mohd Noor Firdaus bin Hj Fadzil (SKM Cawangan Sarawak) menyampaikan perkongsian bertajuk 'Koperasi Membangun Komuniti'. Seterusnya perkongsian peluang perniagaan telah disampaikan oleh Encik Mohd Fikri bin Zainol Majid (Khaimal Travel & Tours Borneo) berkongsi tajuk

'Jana Untung Bawa Pelancong'. Bank Rakyat Sarawak juga turut berkongsi maklumat 'Peluang Pembiayaan Koperasi dan Usahawan' yang telah disampaikan oleh Tuan Hj Meor Muhd Khalis.

Dalam program MasKop pada kali ini membawakan pameran daripada koperator dan usahawan daerah Lundu yang bersama-sama mempamerkan produk mereka. Selain itu, pameran dari agensi MEDAC di Sarawak juga turut diadakan bagi menyampaikan maklumat serta informasi bermanfaat kepada para hadirin yang hadir pada hari tersebut.

IKM juga turut menyampaikan Sumbangan CSR kepada seramai 50 orang penerima daripada golongan B40 pada kali ini yang telah disempurnakan oleh YB Menteri berupa barangan keperluan

harian. Tujuan utama sumbangan ini adalah untuk meringankan beban golongan B40 terpilih sekitar daerah Lundu.

Dengan pematuhan kepada SOP sedia di Sarawak, program pada kali ini menghimpunkan sekitar 200 orang peserta. Langkah-langkah penting diambil bagi membendung penularan wabak COVID-19. Program ini juga mendapat kerjasama erat dari Pejabat Daerah Lundu, Polis Diraja Malaysia Daerah Lundu, Jabatan Penerangan Lundu, Bomba Lundu, JKR Lundu, Majlis Daerah Lundu dan agensi-agensi kerajaan sekitar daerah Lundu. Moga kerjasama erat seperti ini akan dapat diteruskan untuk masa-masa yang akan datang.



YB Menteri dan tetamu jemputan merakam gambar kenangan.



PROGRAM MEMASYARAKATKAN KOPERASI MASKOP 2021 (MasKop)

Zon Sabah

Norawati Ngatmin

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah
norawati@ikkm.edu.my



Taklimat daripada Encik Aiddie Dahlin, Pengurus ANGKASA Sabah.



Taklimat daripada Puan Ellyse Ng dari MAXIS.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sabah telah menganjurkan program Memasyarakatkan Koperasi MasKop 2021 (MasKop) sempena promosi program latihan IKM 2021 secara dalam talian melalui platform Zoom Webinar. Program ini dijalankan secara dua siri iaitu pada 18 Februari 2021 dan 03 Mac 2021.

Siri pertama ucapan aluan disampaikan oleh YBhg. Datuk Iskandar


bin Abdul Malik, Anggota Lembaga Pengarah IKM, manakala siri kedua ucapan aluan disampaikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKM. Antara pengisian program ialah Taklimat Pencapaian Program 2020 dan Program Latihan 2021 oleh Puan Norbiha binti Kasmuri, Pengarah IKM Zon Sabah. Seterusnya sesi Taklimat Kolej iCOOP oleh

Puan Intan Zainessa Said binti Mohd Zain, Pengurus Pemasaran Kolej iCOOP.

Turut diselitkan dalam program tersebut ialah sesi taklimat berkaitan peranan kementerian dan agensi dalam memasyarakatkan koperasi yang telah diwakili oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iaitu Puan Sairah binti Basrin, Timbalan Pengarah dan Tuan Haji Awang Rosli bin Haji Muhammad, Ketua



Antara peserta yang hadir MasKop Siri 1.



Antara peserta yang hadir MasKop Siri 2.

PROGRAM MEMASYARAKATKAN KOPERASI MASKOP 2021 (MasKop)



MEMPERKASA DIGITALISASI KOPERASI (C.O.D.E.)

- PEMBUDAYAAN**
41 PROGRAM BIGARA ILMU DALAM TALIAN
19 KURSUS BERSEMUKA
- C.O.D.E.**
15 KOPERASI
- PELANCONGAN**
17 KOPERASI (PEMBANGUNAN LAMAN WEB)

Zoom meeting interface showing participants: Yusnita Othman, Mohd Nazri, and others.

Taklimat daripada Pengarah IKM Zon Sabah.

Penolong Pengarah, SKM Negeri Sabah. Tidak terkecuali, wakil daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Sabah turut diundang bagi menyampaikan sesi tersebut iaitu Encik Aiddie bin Dahlin, Pengurus dan Encik Affendy Awang Anak, Pegawai Pentadbiran, ANGKASA Sabah. Program diakhiri dengan sesi taklimat oleh Puan Ellyse Ng dan Puan Sharifah Thaherah Alasree, *Head of Marketing and Delivery* Maxis.

Walaupun program pada kali dibuat secara dalam talian, sambutan daripada wakil jabatan dan agensi kerajaan, para pemimpin dan anggota koperasi, para usahawan dan orang awam juga amat menggalakkan dari seluruh negeri Sabah dengan bilangan peserta seramai 100 orang bagi siri pertama dan 128 orang peserta untuk siri kedua.

Zoom meeting interface showing participants: Emcee, Moza, and others.

Taklimat daripada Puan Intan Zainessa Said Mohd Zin, Pengurus Pemasaran Kolej iCOOP.

Zon Utara

Yusnita Othman
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara
yusnita@ikkm.edu.my


Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara membuka tirai program bagi tahun 2021 dengan menganjurkan Program Memasyarakatkan Koperasi MasKop 2021 (MasKop). Program MasKop ini telah dilaksanakan secara dalam talian untuk gerakan koperasi di tiga buah negeri utara tanah air iaitu **Kedah, Pulau Pinang** dan **Perlis** pada bulan Februari yang lalu.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi informasi kepada gerakan koperasi di utara tanah air berkaitan **peluang latihan, bantuan serta sokongan** yang disediakan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bagi menjayakan **Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030** dan **Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025 (TransKoM)**.

Program ini telah mendapat sambutan baik daripada koperator yang mana dizahirkan dengan kehadiran peserta yang menggalakkan di setiap negeri. Seramai 110 orang peserta telah menghadiri program ini di Kedah (18 Februari 2021), 121 orang peserta di Pulau Pinang (8 Februari 2021) dan 142 orang di Perlis (2 Februari 2021).

Sebagai pembuka tirai program MasKop di Kedah, YBhg. Tuan Haji Nasir Khan bin Yahya, Anggota Lembaga Pengarah IKM telah menyampaikan ucapan aluan. Manakala pada MasKop di Perlis dan Pulau Pinang, YBhg. Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKM telah menyampaikan ucapan aluan.

Secara keseluruhannya, program MasKop anjuran IKM Zon Utara telah mencapai objektif yang ditetapkan. Kehadiran peserta yang melebihi sasaran menunjukkan komitmen gerakan koperasi terhadap program yang dianjurkan oleh IKM. Pendedahan dan kefahaman yang diperoleh membantu koperasi meningkatkan keupayaan modal insan dan kapasiti perniagaannya.



Seminar Penyelidikan

“Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Koperasi”

Nor Arma Abu Talib
Pusat Penyelidikan
arma@ikkm.edu.my

Penyelidikan yang dijalankan oleh Pegawai Latihan di Institut Koperasi Malaysia (IKM) adalah salah satu usaha memantapkan IKM dalam menyediakan tenaga pakar dan para ilmuwan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran koperasi yang dapat dijadikan rujukan oleh gerakan koperasi di Malaysia. Penyelidikan merupakan faktor terpenting dalam menjadikan institusi sebagai satu badan yang cemerlang, dinamik, progresif dan inovatif, sejajar dengan tema seminar pada kali ini iaitu “Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Koperasi”.

Seminar Penyelidikan yang telah dijalankan pada 12 Januari 2021 ini sedikit berbeza dan unik berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana buat pertama kalinya penganjuran Seminar

Penyelidikan dijalankan secara dalam talian bagi menggantikan Seminar Penyelidikan secara bersemuka yang dilaksanakan pada setiap tahun seperti tahun terdahulu. Hal ini berikutan situasi semasa wabak pandemik COVID-19 yang masih melanda negara. Selaras juga dengan beberapa arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan agar semua perhimpunan termasuk mesyuarat diarahkan untuk ditangguhkan atau dibatalkan dan sekiranya perlu hanya dijalankan secara dalam talian.

Seramai 76 orang peserta telah hadir secara maya dalam program seminar pada kali ini yang melibatkan pegawai IKM, wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), wakil agensi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA, wakil koperasi,

universiti, dan pakar rujuk penyelidikan. Sebanyak lapan hasil penyelidikan dan kertas telah dibentangkan dengan jayanya meliputi tema belia dan wanita, pengurusan koperasi, digitalisasi, dan pemasaran.

Penganjuran seminar ini diharapkan dapat menyebarkan pelbagai ilmu secara lebih menyeluruh khususnya kepada para koperator agar penyelidikan yang lebih berkesan dan cemerlang dapat dihasilkan pada masa hadapan. Selain itu, penganjuran seminar ini juga menjadi suatu platform dan motivasi, galakan serta melengkapkan diri para Pegawai Latihan IKM dalam melaksanakan penyelidikan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing, seterusnya dapat memberi sumbangan kepada gerakan koperasi di Malaysia.



Dr. Yusman bin Yacob, Mantan Pengarah Pusat Penyelidikan bertugas dengan cemerlang selaku moderator program.



Penyampaian cenderamata kepada Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (PMI) yang telah membentangkan hasil dapatan kajian belia.

Adaptasi Pembelajaran Kursus Wajib Secara Maya Anjuran IKM Zon Selatan dapat Sambutan Baik

Adila Hashim

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan
adila@ikkm.edu.my

Latihan dan pendidikan dalam koperasi tidak harus terhenti walaupun negara berhadapan cabaran pandemik COVID-19. Program latihan kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) perlulah diteruskan dari masa ke masa bagi memastikan ALK mampu menguruskan koperasi dengan baik. Oleh kerana terdapat kekangan untuk menghadiri kursus secara bersemuka, para koperator memohon agar program latihan dapat dijalankan secara dalam talian (*online*). Hal ini selaras dengan tanggungjawab ALK sepertimana yang ditetapkan dalam


GP5: Garis Panduan Mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Menghadiri Kursus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan perlu menghabiskan semua siri Kursus Wajib (Wajib 1, Wajib 2, dan Wajib 3) sepanjang tempoh pelantikan mereka.

Sebagai kesinambungan keperluan latihan dan pendidikan dalam koperasi, Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan (IKMZS) mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan beberapa program tambahan iaitu Kursus Wajib secara

dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada bulan Februari dan Mac 2021.

Selain dari program yang dijadualkan, terdapat beberapa program tambahan yang telah dianjurkan oleh pihak IKMZS. Secara keseluruhan, kursus dalam talian ini mendapat sambutan hangat daripada para koperator. Jadual di bawah menunjukkan bilangan peserta yang telah menghadiri Kursus Wajib secara dalam talian mengikut ketetapan tarikh berikut.

Bil	Tarikh	Kod Kursus	Nama Kursus	Jumlah Peserta
1	9-10/02/2021	J(D)W11	Pengurusan & Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	43 orang
2	23-24/02/2021	J(D)W11	Pengurusan & Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	47 orang
3	24-25/02/2021	J(D)W21	Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	46 orang



Sesi bergambar bersama peserta Kursus Wajib 1 pada 23-24 Februari 2021.



Sebagai kesinambungan keperluan latihan dan pendidikan dalam koperasi, Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan (IKMZS) mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan beberapa program tambahan iaitu Kursus Wajib secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada bulan Februari dan Mac 2021.


Kursus-kursus tersebut dijalankan dengan menggunakan aplikasi *Google Meet*. Kebanyakan peserta memberikan reaksi yang positif dan aktif sepanjang sesi pembelajaran berlangsung. Ia menunjukkan bahawa mereka berkeupayaan untuk mengadaptasi teknik penyampaian dan pembelajaran secara dalam talian serta dapat menerima norma baharu untuk menimba ilmu.

Sepanjang program, kesemua borang yang perlu diisi oleh para peserta seperti Borang Profil Peserta dan Borang Penilaian Kursus turut dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan medium *Google Form*. Selain itu, sesi soal jawab dapat dijalankan dengan lancar dan mudah dengan menggunakan ruangan *chat box* yang terdapat dalam aplikasi *Google Meet* tersebut. *Group Whatsapp* juga diwujudkan untuk memberi kemudahan kepada peserta-peserta kursus bertanyakan soalan kepada penceramah.


Sepanjang tempoh PKPB dan perintah larangan merentas negeri yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada tempoh tersebut, anggota koperasi digalakkan untuk menyertai kursus secara dalam talian. Bermula 15 Mac 2021, semua peserta yang menyertai kursus secara dalam talian akan memperoleh baucar e-wallet sebanyak RM15.00 sekiranya dapat menamatkan kursus dengan jayanya dan dikehendaki mengisi Borang Penilaian Kursus dengan lengkap selepas berakhirnya kursus tersebut. Selain itu, peserta bagi Kursus Wajib secara dalam talian disasarkan seramai 20 sehingga 30 orang sahaja bagi setiap kursus yang bakal dianjurkan dengan tujuan untuk memastikan kelancaran program tersebut.

Bersediakah Anda Menerima Perubahan?

Muhammad Afnan Hasim
Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan
afnan@ikkm.edu.my



Sesi ceramah oleh Coach Wan Arjunawan bin Wan Halim.




Hari kedua kursus dengan sesi pemulaan dari Encik Shaik Wahid bin Shaik Ismail.

Perubahan dalaman dan luaran sering memberi kesan secara langsung mahupun secara tidak langsung kepada sesebuah koperasi. Perkara ini menuntut kepada keperluan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan gelagat organisasi secara umum. Justeru, Institut Koperasi Malaysia (IKM) melalui Sektor Keusahawanan dan Perniagaan (SKP) telah menjalankan Kursus Pengurusan Perubahan secara dalam talian pada 22 dan 23 Mac 2021 yang lalu. Kursus ini telah disertai seramai 27 orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus dan kakitangan serta anggota koperasi dari sekitar Lembah Klang, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Kedah.

Objektif kursus ini ialah memberi kefahaman tentang kepentingan menguruskan perubahan, menerangkan jenis-jenis perubahan penting yang berlaku dalam koperasi dan perniagaan serta teknik dan kaedah menangani tentangan terhadap perubahan.

Pengisian kursus melibatkan sesi ceramah yang disampaikan oleh tenaga pengajar secara dalaman dan jemputan luar daripada IKM. Sesi ceramah pada hari pertama disampaikan oleh Encik Hasrin bin Abu Hassan, Pegawai Latihan Kanan IKM yang menerangkan tentang pengenalan serta konsep perubahan. Sesi seterusnya pula disampaikan oleh penceramah Coach Wan Arjunawan bin Wan Halim dengan tajuk Proses Pengurusan Perubahan dan Menguruskan Perubahan. Pada hari kedua sesi ceramah diteruskan lagi dan disampaikan oleh Encik Shaik Wahid bin Shaik Ismail dengan tajuk Menangani Rintangangan Terhadap Perubahan dan Pelan Tindakan Pengurusan Perubahan.



Sesi ceramah bertajuk Menangani Rintangangan Terhadap Perubahan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya serta mencapai objektifnya. Ketiga-tiga penceramah dapat menyesuaikan diri meskipun kursus dijalankan secara dalam talian. Komunikasi yang berterusan sepanjang kursus antara peserta dan penceramah menjadikannya lebih menarik dan mudah untuk difahami.

Diharapkan semoga segala ilmu pengetahuan yang diperolehi sepanjang dua hari berkursus ini dapat dipraktikkan di koperasi masing-masing dan seterusnya dapat meningkatkan lagi produktiviti kerja.



Kursus Wajib Anggota Lembaga Bersama Koperasi Kluster Koko Sabah Berhad

Norawati Ngatmin
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah
norawati@ikkm.edu.my



Sesi perasmian.

Ucapan perasmian daripada Dr. Ramlie Hj. Kasin, Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia (Operasi).

Pembuka tirai kursus bersemuka Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah pada tahun 2021 dengan kerjasama koperasi ialah Kursus Wajib Anggota Lembaga iaitu Kursus Pengurusan Perundangan dan Pentadbiran Koperasi, Kursus Kewangan Koperasi dan Kursus Pengurusan Strategik Koperasi. Kursus ini berlangsung selama tiga hari iaitu pada 08 hingga 10 April 2021 bertempat di Kudat Golf & Marina Resort, Sabah. Kursus ini dikendalikan oleh Encik Jaibit bin

Jaudin, Encik Yusri bin Tarip (penyelaras) dan Encik. Ridzuan bin Hj. Saudi sebagai penceramah. Kursus ini adalah atas permintaan Lembaga Koperasi Kluster Koko Sabah Berhad (KKKSB) untuk memperkasakan pendidikan wajib koperasi kepada Anggota Lembaga Koperasi.

KKKSB telah ditubuhkan pada 20 Disember 2019 dan ditadbir oleh 14 orang Lembaga yang diketuai Pengerusi Koperasi Tuan Hj. Zamri bin A Ghani,

Setiausaha koperasi Encik Jahiddin bin Abdul dan Bendahari koperasi Encik Edwin bin Mujin. Keanggotaan koperasi ini terbuka kepada peladang dan petani yang tinggal di kawasan operasi koperasi. Aktiviti perniagaan koperasi ini ialah perkhidmatan.

Objektif program adalah memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan ciri-ciri pentadbiran koperasi serta amalan pengurusan yang baik, memberi kefahaman terhadap kaedah bagi



Sesi penyampaian sijil IKM oleh Encik Jaibit Jaudin, Timbalan Pengarah IKM Zon Sabah kepada Setiausaha KKKSB.



Sesi penyampaian sijil IKM oleh Encik Jaibit Jaudin, Timbalan Pengarah IKM Zon Sabah kepada Pengerusi KKKSB.

menilai prestasi koperasi dan mengurus modal kerja koperasi dengan berkesan dan memberi kefahaman berkaitan konsep dan kepentingan pengurusan secara strategik dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Hasil pembelajaran pada akhir kursus ini, Lembaga dapat menjelaskan ciri-ciri pentadbiran koperasi serta amalan pengurusan yang baik mengikut undang-undang. Selain itu, Lembaga juga dapat mengenal pasti maklumat yang diperlukan untuk menganalisis prestasi koperasi dan menjelaskan fungsi

modal kerja kepada perniagaan koperasi. Lembaga juga dapat memahami dan mengaplikasikan konsep dan teknik-teknik analisis, pemilihan dan kawalan pengurusan strategik dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi. Peserta telah menerima sijil penyertaan yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah IKM Zon Sabah iaitu Encik Jaibit bin Jaudin.

Program ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia (Operasi) iaitu Dr. Ramlie bin Hj. Kasin. Turut hadir ialah

Pengarah Bahagian Pemandangan Teknologi dan Pengembangan LKM merangkap Pengerusi Koperasi Kluster Koko Sabah Berhad. Kursus ini telah mendapat kerjasama dan komitmen yang baik daripada semua peserta dengan mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan Sabah. Para peserta telah memberi maklum balas yang positif terhadap inti pati program ini dan bersungguh-sungguh untuk mentadbir koperasi mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.



Gambar kenangan bersama Lembaga KKKSB.



Google For Small Business

Jaibit Jaudin

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah
jaibit@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah (IKMZS) telah menganjurkan Bengkel MiRiCLE secara dalam talian bertajuk “Google for Small Business” melalui platform ZOOM pada 28 dan 29 April 2021 yang lalu. Penganjuran bengkel ini dijalankan melalui kerjasama IKMZS dan Akademi Usahawan Mikro Sdn Bhd (AUMSB). Penceramah bengkel pada sepanjang dua hari tersebut ialah Encik


Abd. Azharee bin Abdul Malik, Ketua Pegawai Eksekutif, AUMSB. Manakala penyelar program dari IKMZS ialah Encik Jaibit Jaudin dan Puan Suzilah Suhaimi yang merupakan setiausaha program yang juga dibantu oleh krew AUMSB.

Objektif penganjuran bengkel pada kali ini adalah memberikan pendedahan kepada para peserta tentang beberapa aplikasi Google yang diwujudkan untuk

meningkatkan produktiviti individu sebagai pekerja mahupun koperasi sebagai sebuah badan perniagaan. Diharapkan peserta dapat menggunakan aplikasi tersebut dalam urusan kerja atau aktiviti perniagaan seharian. Antara aplikasi yang diketengahkan dan dibincangkan dalam bengkel tersebut ialah aplikasi Google My Business, Google Calendar, Google




Hari pertama bengkel.



Sesi ceramah bersama Encik Azharee.



Penerangan Bengkel secara terperinci bersama Encik Azharee.



Sesi bergambar bersama peserta bengkel.

Objektif penganjuran bengkel pada kali ini adalah memberikan pendedahan kepada para peserta tentang beberapa aplikasi Google yang diwujudkan untuk meningkatkan produktiviti individu sebagai pekerja mahupun koperasi sebagai sebuah badan perniagaan.

FormApps, *Google Trend*, *Google Keep* dan *Google Task*.

Google My Business merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh Google untuk memudahkan individu/koperasi/syarikat mendaftarkan perniagaan mereka dalam ekosistem Google bagi memudahkan pelanggan membuat carian tentang organisasi dan produk serta

perkhidmatan yang mereka tawarkan. Google akan mengaktifkan profil individu/koperasi/syarikat dalam ekosistem *Google My Business* melalui pengesahan alamat dengan menghantar surat yang mengandungi kod pengaktifan akaun ke alamat yang didaftarkan dalam tempoh 14 hari selepas pendaftaran dibuat.

Google Calendar pula merupakan kalendar dalam talian yang boleh diakses oleh kesemua atau kakitangan tertentu dalam sesebuah koperasi atau syarikat agar mereka dapat menyemak perkembangan aktiviti yang telah dirancang yang memerlukan perhatian mahupun tindakan mereka. Manakala *Google FormApps* merupakan aplikasi yang boleh digunakan untuk menjalankan kajian pasaran dan membangunkan pangkalan data (database) pelanggan. *Google Trend* pula merupakan aplikasi berasaskan sesawang yang boleh digunakan untuk mengenal pasti statistik, pola atau tren perkataan yang biasa digunakan oleh para pelanggan apabila membuat carian secara dalam talian. Pendek kata, individu/koperasi/syarikat perlu menggunakan perkataan yang selalu digunakan dalam enjin carian

apabila membuat *copywriting* dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

Google Keep pula merupakan aplikasi yang memudahkan seseorang untuk mendraf iklan promosi atau jualan sebelum dimuktamadkan dan dihantar ke dalam media sosial atau laman sesawang pemasaran. *Google Task* pula merupakan aplikasi untuk menyenaraikan aktiviti atau tugas harian agar tidak terlepas pandang dan mengeluarkan daripada senarai aktiviti yang telah lengkap atau selesai dilaksanakan.

Bengkel ini telah dihadiri oleh ALK dan anggota koperasi di bawah program MiRiCLE dari beberapa daerah di negeri Sabah. Seramai 18 orang peserta telah menyertai bengkel ini mewakili Koperasi Pembangunan Desa Saradan Tenghilan Berhad, Koperasi Wanita Kota Kinabalu Berhad, Koperasi MRSM Tun Fuad Stephens Sandakan Berhad, Koperasi Padu Niaga Kota Kinabalu Berhad, Koperasi Rumumun Penampang Berhad, Koperasi Bersatu Kampung Suasa Beaufort Berhad dan Koperasi Keluarga Semudin Siung Kota Belud Berhad.

eBicara Ilmu Bisnes Berkat: Jutawan Dunia Akhirat

Yusnita Othman
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara
yusnita@ikkm.edu.my



Ucapan aluan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia.

Penyampaian cenderahati tanda kenangan.

Ramadan yang menjelang saban tahun dalam kehidupan kita merupakan satu kurniaan daripada Allah SWT. Menghiasi bulan yang mulia ini dengan melipatgandakan amalan kebaikan akan dapat mempertingkatkan darjat ketakwaan kita kepadaNya. Semangat dan iltizam yang tinggi untuk meraikan Ramadan kali ini secara lebih bermakna menjadikan kita insan yang sentiasa berusaha untuk memberi manfaat kepada insan lain kerana yakin dengan ganjaran yang sangat besar di sisi Allah SWT.

Justeru, selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan modal insan gerakan koperasi di Malaysia, Institut Koperasi Malaysia (IKM) menerusi IKM Zon Utara dan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan, IKM, Petaling Jaya telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program eBicara Ilmu bertajuk "Bisnes Berkat: Jutawan Dunia Akhirat" pada 06 Mei 2021 bersamaan 24 Ramadan 1442 yang lalu.

Menariknya program ini kerana penceramah jemputan merupakan

seorang figura yang tersohor dan menjadi idola rakyat Malaysia. Kehadiran usahawan dan pendakwah bebas, YBhg. Ustaz Ebit Lew dalam program ini telah memberi inspirasi kepada peserta. Walaupun program ini dilaksanakan secara dalam talian, namun penyertaan peserta amat menggalakkan. Seramai 789 orang peserta yang terdiri daripada koperator dan usahawan seluruh Malaysia telah mengikuti program ini dan memperoleh manfaat.



Menelusuri inti pati program, sebagai pembuka tirai, alunan bacaan ayat suci Al-Quran telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Ezmir Kushairy bin Roslee, Imam Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, Petaling Jaya. Kemudian, disusuli dengan ucapan aluan oleh Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKM. Sesi ceramah bersama Ustaz Ebit Lew telah dikendalikan oleh Encik Zulkifli bin Sedik, selaku moderator. Bagi meningkatkan keberkesanan program, peserta turut berpeluang mengemukakan pertanyaan sepanjang program ini berlangsung.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. Penerangan yang jelas oleh Ustaz Ebit Lew berkaitan konsep keberkatan dalam perniagaan telah membantu peserta meningkatkan kefahaman mereka khususnya dalam aspek perkongsian rezeki melalui zakat, wakaf, infak dan sedekah agar hasil perniagaan diberkati Allah SWT. Menyingkap sejenak kepentingan amalan terbaik pengurusan perniagaan dan hubungannya yang

signifikan dengan keberkatan. Antara amalan terbaik yang dijelaskan oleh beliau ialah memenuhi tuntutan hubungan dengan Allah (*Hablumminnalallah*) dan juga tuntutan hubungan terhadap manusia lain (*Hablumminnannas*).

Kefahaman berkaitan corak pemikiran yang positif iaitu sentiasa bersangka baik dengan Allah serta memiliki sikap yang terpuji iaitu sabar, bertanggungjawab dan prihatin turut diberi penekanan dalam sesi ceramah tersebut. Bagi memberi kesedaran, beliau telah mengambil contoh dan teladan keperibadian Rasulullah SAW mendepani setiap ujian. Tambahan lagi, pendedahan kisah hidup dan pencapaian yang diperoleh oleh beliau telah memotivasikan peserta untuk berusaha gigih agar matlamat menjadi jutawan dunia akhirat dapat dicapai.

Semoga ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada program ini dapat dihayati bersama dan mendorong kita untuk melakukan lebih banyak kebaikan dan memberi manfaat kepada insan yang lain bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan yang abadi.



Siaran langsung eBicara Ilmu bersama Ustaz Ebit Lew.



Pertanyaan secara langsung oleh peserta dalam talian.



Sebahagian peserta yang mengikuti program ini secara dalam talian (Aplikasi Zoom).



Pemeriksaan Digitalisasi Gerakan Koperasi Melalui Program C.O.D.E

Faiz Ahmad Yatim

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
faiz@ikm.edu.my



Produk PutraKop.



Produk Koperasi Sangon.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan telah memberikan kesan negatif kepada perkembangan ekonomi dalam gerakan koperasi di seluruh negara. Pandemik COVID-19 yang mula melanda negara dan seluruh dunia umumnya telah mengubah persekitaran tadbir urus dan perniagaan koperasi secara

menyeluruh. Koperasi perlu mempraktikkan norma baharu bagi kelangsungan tadbir urus dan perniagaan koperasi.

Sehubungan dengan itu, Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program *Cooperative Digital Empowerment* atau nama ringkasnya



C.O.D.E. Program C.O.D.E ini ialah sebuah program komprehensif yang telah dibangunkan khas untuk membantu koperasi untuk mengadaptasikan proses digitalisasi, penambahbaikan operasi dan perniagaan koperasi dalam persekitaran perniagaan dan tadbir urus yang baharu.

Sebanyak 27 buah koperasi telah ditemu bual dan 15 buah koperasi telah dipilih untuk menyertai program ini dari seluruh negara. Proses pemilihan ini penting bagi mengenal pasti koperasi yang berpotensi dengan metodologi dan kerangka kerja yang telah ditetapkan. Hal ini untuk memastikan bahawa hanya koperasi yang paling sesuai dapat memperoleh manfaat daripada program ini.

Koperasi yang telah dipilih untuk mengikuti program ini adalah seperti di bawah:


1. Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Berhad
2. Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad
3. Koperasi PNK Sri Muara Kuching Berhad
4. Koperasi Usahawan Utan Buluh Perlis Berhad
5. Koperasi Kakitangan Maktab Koperasi Malaysia Berhad
6. Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad
7. Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Sri Mendapat Melaka Berhad
8. Koperasi Homestay Teluk Ketapang Terengganu
9. Koperasi IKBN Bukit Mertajam Berhad
10. Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad
11. Koperasi Usahawan Gading Mekar Lundu Berhad
12. Koperasi Groom BIG Kelantan Berhad
13. Koperasi Sangon Bau Berhad
14. Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad
15. Koperasi Desa Perdana Kemasik Kemaman Berhad




Training bersama Fara Fauzana, selebriti.




Produk Teluk Ketapang



Online Training - Zoom Meeting




Online Training - Zoom Meeting (Halnex)




Website Koperasi Homestay Teluk Ketapang Terengganu




Website Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Berhad



Website Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad



Website Koperasi Sangon Bau Berhad



Website Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad

Program C.O.D.E ini bermula pada November 2020 dan berakhir pada Ogos 2021. Pelbagai modul telah diberikan sepanjang program ini berlangsung bagi memperkasakan digitalisasi dalam tadbir urus dan perniagaan koperasi. Hal ini termasuklah merangka kandungan digital, pemasaran di media sosial, perniagaan dalam talian, pengurusan kewangan, ramalan kewangan (*financial forecasting*), sistem pengurusan kualiti, pembangunan laman web (*e-commerce*), platform pembayaran dalam talian dan *Search Engine Optimizer* (SEO).

Program C.O.D.E telah membantu koperasi meneroka pasaran yang lebih luas melalui platform baharu khususnya dalam ekosistem digital. Jaminan kualiti terhadap produk perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh koperasi akan digerakkan seiring dengan elemen digital dalam keseluruhan proses kerja dengan meneroka teknologi terkini. Program ini berusaha untuk memanfaatkan sepenuhnya platform (*deck*) perniagaan digital yang lebih mesra pengguna seperti Facebook, Youtube, Shopee Touch n Go e-Wallet dan Maybank MAE. Melalui program ini diharapkan pelanggan akan dapat mengetahui produk koperasi yang boleh diperolehi secara mudah dalam talian (*online presence*). Kesannya, jenama produk koperasi yang berada dalam talian lebih terkenal dan lebih dipercayai berbanding sebelum ini.

Terdapat tiga komponen utama dalam program ini iaitu *Money, Market* dan *Mentor* (3M). *Money* merujuk pengurusan kewangan, unjuran kewangan, pelaburan dan pembiayaan. *Market* pula merujuk penjenamaan dan pasaran seperti profil perniagaan, logo, *brand story*, laman web dan peluang perniagaan. Manakala komponen mentor merujuk proses bimbingan dan latihan, penambahbaikan

Program C.O.D.E ini ialah sebuah program komprehensif yang telah dibangunkan khas untuk membantu koperasi untuk mengadaptasikan proses digitalisasi, penambahbaikan operasi dan perniagaan koperasi dalam persekitaran perniagaan dan tadbir urus yang baharu.

produk dan perkhidmatan, pengurusan kualiti dan pengurusan koperasi.

Program ini dilaksanakan sebanyak 4 fasa. Keseluruhan fasa ini mengambil masa selama 9 bulan untuk diselesaikan oleh koperasi yang dipilih. Fasa- fasa tersebut adalah seperti di bawah:

- Fasa 1 - Diagnostik (*Diagnostic*)
- Fasa 2 - Intervensi (*Intervention*)
- Fasa 3 - Latihan (*Coaching*)
- Fasa 4 - Akses Pasaran (*Market Access*)

Koperasi juga dilengkapi dengan peralatan digital (*tools*). Antara peralatan digital (*tools*) yang disediakan kepada koperasi terpilih ialah profil perniagaan digital, kad perniagaan, logo perniagaan koperasi, pengeditan perisian video (InVideo), sistem pengurusan koperasi dan fotografi.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memperkasakan digitalisasi dalam gerakan koperasi seiring dengan norma baharu. IKM berharap agar koperasi-koperasi yang menyertai program ini akan dapat memanfaatkan sepenuhnya segala ilmu dan peralatan digital yang dibekalkan untuk kelangsungan perniagaan mereka.

Kursus dan Lawatan Sektor Bersama Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan
haniff@ikkm.edu.my



Barisan kepimpinan koperasi bersama pegawai IKM dan penceramah SME.



Kursus Pembangunan Aturan Koperasi.



Bengkel Pembangunan Aturan Koperasi di Crown Garden, Kelantan.

Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah menjalankan dua buah program hasil usaha sama dengan Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad pada bulan April 2021 yang lalu. Program pertama yang dijalankan adalah pada 4 April 2021 iaitu lawatan dari Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan yang diketuai oleh Encik Ju Shamsudin Bin Sufian bersama-sama dua orang pakar industri iaitu Encik Md. Nordin bin Salleh dari Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang dan Encik Mohamed Azman bin Mahmood dari Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan.



Khidmat nasihat secara langsung diberikan kepada pihak koperasi.



Usaha yang dilakukan koperasi untuk penanaman cili.



Ladang koperasi untuk penanaman cili.

Lawatan ini merupakan satu lawatan penting dalam usaha meningkatkan pemahaman Anggota Lembaga Koperasi (ALK) berkaitan kaedah terbaik penanaman fertigasi, pengetahuan berkaitan input yang bersesuaian untuk tanaman fertigasi seperti jenis baja dan racun, dan khidmat nasihat yang diberikan secara terus oleh pegawai kepada koperasi. Malah, taklimat berkaitan fertigasi cili turut diberikan oleh pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kepada 10 orang ALK yang hadir.

Program usaha sama seterusnya ialah Kursus Aturan berkaitan Penanaman Fertigasi yang diadakan di Crown Garden, Kota Bharu, Kelantan. Bengkel ini dihadiri oleh 15 orang peserta yang terdiri daripada ALK dan Juruaudit Dalam (JAD) koperasi. Melalui penganjuran bengkel ini, koperasi dapat memiliki Aturan Koperasi berkaitan penanaman cili fertigasi, penjualan cili dan hasil

pertanian, serta Aturan Pelaburan Khas. Bahkan, bengkel seumpama ini dilihat sebagai platform paling penting dalam mendidik koperasi untuk mempunyai kemahiran membuat aturan sendiri pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, kerjasama yang erat di antara pihak IKM dan koperasi daripada lawatan dan perbincangan secara bersemuka ini menunjukkan impak positif dan jalinan kerjasama yang baik hasil penyertaan dan penglibatan dalam program Million Ringgit Coop League (MiRiCLe). Koperasi bercadang untuk menjalankan lagi program pada masa hadapan bersama IKM untuk mendapatkan lagi maklumat dan pengetahuan berkaitan tadbir urus, kewangan, perniagaan, khidmat nasihat dan lain-lain untuk anggota khususnya ALK.



Kursus dan Lawatan Pegawai Institut Koperasi Malaysia (IKM) bersama Koperasi Alumni Belia 4B Kelantan Berhad

Mohamad Haniff bin Mohamad Hashim
Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan
haniff@ikm.edu.my

Ladang nanas milik koperasi.

Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan Institut Koperasi (IKM) Malaysia telah menjalankan dua buah program hasil usaha sama dengan Koperasi Alumni Belia 4B Kelantan Berhad pada 6 April 2021 yang lalu. Kursus yang dijalankan ialah Kertas Kerja Permohonan Pembiayaan Tabung Modal Pusingan yang dijalankan bertempat di Hotel Crown Garden, Kota Bharu, Kelantan. Program kedua pula berlangsung pada

10-11 April 2021 iaitu lawatan Pegawai IKM yang dihadiri oleh Encik Mohamad Haniff, Cik Norsyeirawani dan Encik Ju Samsuddin ke ladang nanas koperasi yang terletak di Kuala Krai, Kelantan. Program ini bertujuan memberi khidmat nasihat secara terus kepada koperasi akan perkara berkaitan penanaman nanas. Turut menyertai lawatan tersebut ialah Pakar Industri tanaman nanas iaitu Encik Baharom iaitu seorang pengusaha tanaman



Pakar Industri Encik Baharom bersama dengan Encik Ju Samsuddin Safian.



Input pertanian digunakan untuk penanaman nanas.



Antara nanas yang ditanam di ladang.

nanas yang mempunyai pengalaman berkaitan penanaman nanas dan ladang nanas seluas tiga ekar.

Program pertama iaitu Kursus Penyediaan Kertas Kerja Permohonan Pembiayaan yang berlangsung membantu koperasi untuk memohon pembiayaan daripada Institusi Kewangan ataupun Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui pembiayaannya Tabung Modal Pusingan (TMP). Pembiayaan ini diperlukan bagi mengembangkan modal kerja dan perniagaan ladang nanas milik koperasi. Bengkel ini dihadiri oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota koperasi. Program yang berlangsung telah membolehkan koperasi memiliki Kertas Kerja Permohonan Pembiayaan berkaitan projek koperasi iaitu Penanaman Nanas. Objektif utama program ini ialah untuk mendidik koperasi untuk mempunyai kemahiran membuat Kertas Kerja Permohonan Pembiayaan sendiri pada masa hadapan.

Program kedua yang berlangsung ialah lawatan daripada pegawai IKM dan Pakar Industri Tanaman Nanas. Lawatan ini sangat penting kerana ia meningkatkan

pemahaman ALK dan pekerja ladang perkara berkaitan kaedah dan teknik penanaman yang betul dan khidmat nasihat secara terus yang diberikan oleh pakar industri kepada koperasi. Program ini dihadiri oleh 5 orang ALK yang hadir. Program ini juga membantu daripada segi jaringan kerjasama antara koperasi dengan pakar industri yang memudahkan khidmat nasihat diberikan secara langsung kepada koperasi pada masa hadapan.

Kerjasama yang erat antara pihak IKM dan koperasi hasil daripada kursus dan lawatan ini akan membantu koperasi menambah pengetahuan berkaitan tatacara menyediakan kertas kerja permohonan pembiayaan dan kaedah menanam nanas. Program lawatan ini akan dilakukan secara berkala bagi memastikan koperasi mendapat khidmat nasihat berkaitan penanaman sekali gus menghasilkan tanaman yang lebih baik lagi pada masa hadapan. Koperasi turut bercadang menjalankan lagi program bersama IKM berkaitan tadbir urus dan perniagaan untuk anggota dan ALK pada masa hadapan.



“Anggota Sepakat, Koperasi Berkat”

Norfaezah Mahmood

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan
norfaezah@ikkm.edu.my



Perasmian Muslim Mart, Koperasi Kariah Masjid Al-Muhsinin Melekek Luar Alor.



Sesi ceramah oleh YBhg. Dato' Ustaz Kazim Elias



Penyampaian sumbangan kepada warga asnaf Parlimen Masjid Tanah oleh Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Selatan telah mengadakan program Ihya Ramadan bersekali dengan program Bicara Ramadan yang bertajuk “Anggota Sepakat, Koperasi Berkat” pada 27 April 2021 yang lalu bertempat di Masjid Al Muhsinin Melekek Luar, Alor Gajah, Melaka. Program ini merupakan kerjasama antara Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Masjid Tanah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Melaka dan Koperasi Masjid Al Muhsinin Melekek Luar, Alor Gajah, Melaka Berhad.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin iaitu ahli Parlimen Masjid Tanah dengan penceramah jemputan YBhg. Datuk Ustaz Mohd Kazim Elias Al Hafiz. Selain itu, turut hadir bagi memeriahkan program ini ialah Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia iaitu YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Tuan Haji Zazali bin Haron, Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, dan En Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, Institut Koperasi Malaysia.

Seramai 545 orang peserta yang hadir terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam (JAD), anggota koperasi, pengurusan dan kakitangan koperasi, usahawan, kariah masjid dan orang awam. Objektif program ini diadakan untuk memberi pengetahuan mengenai kesepakatan, kerjasama dan perpaduan antara ALK dan anggota dari perspektif agama. Selain itu, program ini juga bertujuan memberikan pendedahan kepada warga koperasi dan usahawan mengenai kepentingan kerjasama dalam

organisasi. Antara lain matlamat program ini adalah untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama dan santapan rohani kepada para koperator yang beragama Islam dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan IKM dalam kalangan masyarakat setempat. Atas kerjasama semua pihak terlibat termasuk Anggota RELA dan pemantauan pihak Polis serta Jabatan Kesihatan, program ini telah berjalan secara lancar dengan pematuan Garis Panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN)


Pelbagai pengisian program dilaksanakan bermula seawal 8.00 pagi sehingga malam antaranya ialah:

1. Aktiviti gotong royong memasak bubur lambuk dan membuat agihan di hadapan Masjid Simpang Ampat.
2. Program tadarus 30 Juzuk Al-Quran bersama kariah masjid dan koperator Negeri Melaka.
3. Penyampaian sumbangan kepada warga asnaf Parlimen Masjid Tanah oleh YB YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin.
4. Anugerah Kanak-kanak Cemerlang Akhlak bagi kariah Masjid Al Muhsinin.
5. Perasmian Muslim Mart, Koperasi Kariah Masjid Al-Muhsinin Melekek Luar Alor Gajah Melaka Berhad.
6. Majlis berbuka puasa, solat Maghrib, Isyak dan Terawih berjemaah dan jamuan moreh.

Lokasi masjid yang strategik dan kemudahan yang selesa turut membantu kejayaan penganjuran program ini. Secara keseluruhannya program ini sangat baik dan mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta. Kebanyakannya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Kerjasama Strategik Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Bank Rakyat Berkaitan Program MiRiCLe

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan
haniff@ikkm.edu.my



Antara peserta yang sedang mendengar taklimat program MiRiCLe.

program seperti objektif, manfaat, kaedah pelaksanaan, syarat dan kriteria pemilihan, dan lain-lain. Koperasi tertarik akan pelaksanaan program ini kerana ia menggunakan kaedah turun padang dan menyasarkan kepada keperluan kursus yang diperlukan oleh koperasi.

Selain daripada itu, program juga disusuli taklimat berkaitan pembiayaan dan keterangan produk oleh Bank Rakyat. Di akhir sesi program ini, beberapa koperasi dilihat berminat untuk mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IKM dan Bank Rakyat ini. Kerjasama yang erat antara IKM dan Bank Rakyat sebenarnya adalah rentetan Kerjasama Persefahaman atau MoU yang termaktub semasa Minggu Usahawan Nasional pada 2019 sempena pengenalan Program MiRiCLe. Hal ini amat penting kerana kerjasama yang erat akan dapat menghasilkan sinergi yang baik untuk gerakan koperasi daripada segi permohonan pembiayaan, khidmat nasihat serta bimbingan, pembangunan modal insan, pembangunan perniagaan dan lain-lain. Kerjasama ini diharap berterusan untuk masa hadapan. Akhir kata, program ini diharap dapat membantu koperator dan usahawan mendapatkan input dan maklumat untuk meningkatkan daya maju koperasi.

Satu taklimat berkaitan Program Million Ringgit Coop League (MiRiCLe) telah diadakan secara dalam talian bersempena dengan Program Co-operative / Entrepreneur Desk anjuran Bank Rakyat yang berlangsung pada 5 Mac 2021 yang lalu. Ia merupakan slot jemputan yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada Institut Koperasi Malaysia (IKM) bagi mempromosikan dan memberi kefahaman kepada peserta tentang Program MiRiCLe yang merupakan program utama Institut Koperasi Malaysia (IKM). Program IKM ini turut melibatkan Bank Rakyat sebagai pemberi pembiayaan untuk koperasi MiRiCLe mengembang


dan melibatkan diri dalam perniagaan yang baharu.

Walaupun program ini dijalankan secara dalam talian, namun penyertaan daripada peserta amat menggalakkan dengan penglibatan seramai 60 orang anggota koperasi dan usahawan dari bahagian Pantai Timur meliputi Pahang, Terengganu dan Kelantan yang kebanyakannya adalah Anggota Lembaga Koperasi. Taklimat berkaitan Program MiRiCLe disampaikan oleh Encik Mohamad Haniff bin Mohamad Hashim dari Bahagian Keusahawanan dan Koperasi (BKP) IKM. Taklimat diberikan menyentuh kepada maklumat



Kolaborasi IKM dan Koperasi Siswa ke Arah Pemeraksanaan Sistem Tadbir Urus yang Berkesan

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
 Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan
 haniff@ikkm.edu.my



Bengkel bersama Koperasi Siswa UTHM Berhad.

Pada bulan Februari 2021 yang lalu, Institut Koperasi Malaysia (IKM) melalui Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan telah menganjurkan dua buah program antara IKM bersama dengan Koperasi Siswa (KOSISWA) iaitu Bengkel Pemantapan Tadbir Urus Koperasi Siswa UiTM Dungun Berhad dan Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan Koperasi Siswa Universiti Tun Hussein Onn Berhad. Matlamat penganjuran bengkel

ini adalah salah satu usaha IKM dalam membantu KOSISWA ke arah pemeraksanaan sistem tadbir urus yang berkesan.

Bengkel pertama telah berlangsung secara dalam talian pada 12 Februari 2021 melibatkan tujuh orang pegawai Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) yang bertanggungjawab membangunkan Koperasi Siswa UiTM Dungun Berhad. Fokus



Bengkel bersama Koperasi Siswa UiTM Dungun Berhad.

Matlamat penganjuran bengkel ini adalah salah satu usaha IKM dalam membantu KOSISWA ke arah pemeraksanaan sistem tadbir urus yang berkesan.

bengkel tersebut ialah untuk menambah baik tadbir urus dan pengurusan koperasi. Bengkel ini telah berlangsung selama tiga jam meliputi aspek tadbir urus, pengurusan tunai, struktur dan pengurusan koperasi, dan lain-lain. Sesi bengkel banyak menekankan aspek tadbir urus yang baik dan beberapa cadangan telah dikemukakan untuk menambah baik koperasi khususnya perkara melibatkan struktur koperasi.

Bengkel kedua pula telah diadakan pada 22 Februari 2021 dengan penglibatan 13 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Koperasi Siswa Universiti Tun Hussein Onn Berhad khusus berkaitan penyediaan Buku Laporan Tahunan Koperasi. Bengkel ini pula adalah berkaitan penyediaan Buku Laporan Tahunan Koperasi. Penerangan berkaitan perkara dan subjek yang perlu dimasukkan dalam sesebuah Laporan Tahunan Koperasi ditekankan dalam taklimat ini. Selain daripada itu, format laporan dan pengendalian Mesyuarat

Agung Tahunan (MAT) turut disentuh pada sesi bengkel tersebut.

Bengkel yang diadakan ini adalah rentetan daripada Penyelidikan Aktiviti Keusahawanan Mahasiswa dalam Koperasi Siswa (KOSISWA). Kerjasama yang terjalin adalah hasil daripada lawatan dan perbincangan secara bersemuka yang pernah dilakukan sebelum ini. Justeru, ia menunjukkan bahawa antara impak positif dan jalinan kerjasama yang terhasil boleh disebabkan oleh penyelidikan yang dijalankan. Selain daripada itu, sokongan yang diberikan oleh KOSISWA ini juga diterjemahkan dalam penglibatan dalam kursus yang dianjurkan oleh IKM seperti Kursus Wajib 1-3. Kerjasama yang erat antara IKM dan KOSISWA ini diharap berterusan untuk masa hadapan. Secara keseluruhannya, program ini diharap dapat membantu operator khususnya KOSISWA mendapatkan maklumat dan pengetahuan bagi memastikan koperasi mengamalkan tadbir urus yang baik.



Ketua Pengarah IKM, menyantuni warga emas di Rumah Titian Abadi, Lahat, Perak dengan menyampaikan sumbangan duit raya dan sumbangan kepada tabung Rumah Titian Abadi bagi menampung keperluan penghuni rumah berkenaan.



IKM Prihatin Bantu Masyarakat Melalui Program Komuniti Seluruh Negara

Fadzillah Zulkepli
Unit Komunikasi Korporat
fadzillah@ikm.edu.my

Menyedari negara masih dibelenggu dengan penularan wabak COVID-19 yang telah memberi impak yang cukup besar terhadap ekonomi dan turut menjejaskan pendapatan, Institut Koperasi Malaysia menzahirkan komitmennya sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dengan membantu golongan yang memerlukan melalui program khidmat masyarakat IKM Prihatin.



Menyantuni warga emas, anak yatim dan anak-anak OKU di Alor Pongsu Perak.

IKM Prihatin merupakan salah satu usaha memperkenalkan dan mendekatkan lagi IKM kepada masyarakat. Antara pengisian dan aktiviti yang dilaksanakan menerusi IKM Prihatin ini adalah pengagihan beg makanan keperluan asas kepada golongan asnaf, pemberian biskut dan duit raya kepada warga emas, anak-anak yatim, golongan kelainan upaya (OKU), menyantuni rumah orang-orang tua, aktiviti memasak dan edaran bubur lambuk dan sebagainya.



BERITA KAKITANGAN



Ketua Pengarah menyampaikan sumbangan biskut dan duit raya kepada golongan dhuafa di Pantai Remis, Perak.



Menyantuni komuniti Padang Serai, Perak dengan sumbangan beg makanan keperluan asas dan duit raya.



IKM Prihatin-Ihya Ramadan IKM Bersama Pejabat Parlimen Masjid Tanah Melaka.

Program ini dilihat sangat memberi makna terutama kepada golongan dhuafa, serta mereka yang amat memerlukan dan terkesan akibat pandemik COVID-19.

Program ini telah dilaksanakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak melalui penglibatan Institut Koperasi Malaysia setiap Zon dan tidak ketinggalan penglibatan daripada Kelab Sukan Dan Sosial IKM, Puspanita Cawangan IKM dan Koperasi Kakitangan Maktab Koperasi Malaysia Berhad dan akan diteruskan hingga hujung tahun malah akan dijadikan suatu kewajipan bagi Institut Koperasi Malaysia.

Sepanjang pelaksanaan program ini, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, turut melapangkan masa bersama-sama turun padang menyantuni golongan yang dirai. Menurut beliau: **“kita kena adakan selalu program bersama masyarakat, bukan hanya adakan pada sesuatu masa tertentu sahaja, jika ada peluang kita perlu mencurahkan khidmat bakti kepada golongan yang memerlukan ini tidak kira umur, bangsa dan agama”.**

“ Program berbentuk kemasyarakatan seperti ini walaupun jika dilihat sumbangannya sangat kecil

namun ia diharapkan memberikan impak besar kepada mereka yang benar-benar memerlukan”;

Diharapkan program seumpama ini dapat memupuk penghayatan semangat budaya bantu-membantu sesama masyarakat dalam meningkatkan mutu persekitaran kehidupan insan di samping usaha Institut Koperasi Malaysia dalam meningkatkan imej kepada masyarakat umum akan tercapai sekaligus membudayakan koperasi dalam komuniti sebagai agenda nasional kementerian dan negara.



IKM Prihatin anjuran IKM Zon Utara menyampaikan sumbangan makanan kepada petugas barisan hadapan, sumbangan bakul makanan kepada golongan dhuafa dan edaran bubur lambuk.



IKM Prihatin melalui Kelab Sukan dan Sosial IKM berkunjung ke Rumah Orang Tua untuk menyampaikan sumbangan kerusi roda dan menyantuni penghuni rumah tersebut.



Sumbangan duit raya oleh Ketua Pengarah IKM kepada anak-anak kakitangan IKM.



Program Khidmat Masyarakat (CSR) IKM Zon Sabah

Norawati Ngatmin

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah
norawati@ikkm.edu.my



Pengagihan bubur lambuk kepada komuniti setempat oleh Puan Norbiha, Pengarah IKM Zon Sabah.



Bersama urus setia IKM Zon Sabah.



Penyerahan sumbangan bakul makanan kepada Wakil Komuniti JKKK KG. Dumpil Putatan iaitu Encik Muhammad Al-Fateh oleh Puan Norbiha, Pengarah IKM Zon Sabah.

Program khidmat masyarakat (CSR) merupakan salah satu usaha memperkenalkan dan mendekatkan lagi IKM khususnya IKM Zon Sabah (IKMZS) kepada masyarakat di negeri Sabah. Program ini dilaksanakan sempena bulan Ramadan bagi melahirkan rasa keprihatinan IKMZS untuk menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf dan masyarakat yang amat memerlukan dan terkesan. Komuniti yang terpilih

dalam program CSR ini ialah komuniti yang terlibat akibat bencana kebakaran yang telah berlaku di Jalan Lok Kawi Lama-Kampung Dumpil, Putatan pada 21 April 2021 bersamaan 10.19 malam Rabu.

Program ini dijalankan pada 09 Mei 2021 (Ahad) di lokality yang terpilih iaitu di Kampung Dumpil, Putatan dan Perkarangan Masjid Daerah Putatan. Penyelaras program ini adalah Encik Mohd. Noor Juan dan Encik Ridzuan Saudi serta dibantu oleh Encik Muhammad Azlan Shah Marsih. Program sumbangan



Sesi bergambar penyelarar CSR iaitu Encik Mohd Noor Juan dan Encik Ridzuan Saudi bersama penceramah.



Sesi ceramah agama.



Penyediaan bubur lambuk oleh urus setia IKMZS.

ini adalah kerjasama antara IKMZS bersama AJK Masjid Putatan termasuk komuniti Kampung Dumpil Putatan yang terkesan dan kerjasama bersama Koperasi Pembangunan Usahasama Masyarakat Sabah Berhad (KOPUSAMAJU) berkaitan sumbangan bakul makanan.

Selain program CSR, pengisian aktiviti ini juga diselitkan dengan sesi ceramah agama bertajuk "Andainya ini Ramadanku yang Terakhir" yang disampaikan oleh

tentang kepentingan khidmat bakti dan mendekatkan diri dengan masyarakat. Bukan itu sahaja, melalui program ini juga, ia dapat membentuk nilai positif jati diri, peranan bekerjasama dan menampilkan sahsiah kepimpinan berakhlak mulia dalam kalangan kakitangan IKMZS. Impak daripada program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat setempat mengenai IKM dan program-program yang ditawarkan di samping

Bendahari Masjid Daerah Putatan. Objektif program ini adalah memupuk semangat budaya bantu-membantu sesama masyarakat oleh kakitangan IKM dalam meningkatkan mutu persekitaran kehidupan ihsan. Selain itu, ia juga untuk meningkatkan kesedaran kepada semua yang terlibat

dapat mempromosikan jenama IKM dan mendekatkan IKMZS di hati masyarakat setempat.

Kumpulan sasar penerima sumbangan bakul makanan ini adalah asnaf dan mangsa kebakaran yang terdiri daripada 70 orang penduduk di kawasan Kampung Dumpil, Putatan. Manakala pengagihan bubur lambuk diberikan kepada komuniti berhampiran Masjid Daerah Putatan. Sumbangan bakul makanan dan pengagihan bubur lambuk disampaikan oleh Pengarah IKM Zon Sabah iaitu Puan Norbiha binti Kasmuri. Diharap dengan pemberian sumbangan ini dapat memberi sinar kegembiraan dan kebahagiaan kepada golongan terlibat dalam meneruskan puasa pada bulan Ramadan dan seterusnya menyambut Syawal bersama ahli keluarga tercinta. Kesimpulannya, dengan adanya penganjuran program seperti ini, masyarakat setempat akan dapat manfaat dan mengenali IKM dan seterusnya meningkatkan kesedaran semua untuk berbakti kepada masyarakat.



Penyampaian cenderamata oleh Pengarah IKM Zon Timur, Puan Haslinda Sujak kepada YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor.

Lawatan Kerja Ketua Pengarah IKM ke IKM Zon Timur

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur
maryam.hamidah@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur sememangnya tidak pernah sunyi daripada menerima kunjungan lawatan dari luar. Buktinya pada 4 Mac 2021, satu lawatan kerja daripada Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKM), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor telah diadakan di IKM Zon Timur. Lawatan kerja ini adalah yang pertama ke zon-zon bagi beliau selepas dilantik menjadi Ketua Pengarah IKM. Lawatan kerja ini adalah bertujuan melihat keadaan sebenar persekitaran dan kemudahan di kampus zon timur. Selain itu, warga kerja IKM Zon Timur berpeluang beramah mesra dan menyuarakan pandangan serta cadangan

secara terus kepada YBhg. Datuk Ketua Pengarah. Hadir sama pada lawatan kerja ini adalah Tuan. Haji Borhan bin Mat Aris, Pengarah Unit Komunikasi Korporat IKM.

IKM Zon Timur sangat berbesar hati atas kunjungan ini dan Puan Haslinda binti Sujak, Pengarah IKM Zon Timur turut memberi taklimat mengenai perkembangan, pencapaian dan peranan IKM Zon Timur sebagai pusat latihan dan pendidikan kepada gerakan koperasi di Zon Timur. Turut serta dikongsikan adalah perjalanan awal pembukaan IKM Zon Timur di Bera pada tahun 2009 dan perpindahannya ke Kuantan pada 2015 sehingga kini. Sebagai memenuhi hasrat

dan tujuan lawatan kerja ini iaitu untuk berkongsi maklumat, pandangan dan cadangan, telah diadakan sesi soal jawab di antara Ketua Pengarah dan warga kerja IKM Zon Timur. Sebelum sesi lawatan kerja berakhir, YBhg. Datuk Mohd Ali dibawa meninjau kemudahan yang ada di IKM Zon Timur seperti bilik kuliah, makmal komputer, perpustakaan dan surau yang tersedia untuk kegunaan peserta kursus. Selepas itu, kedua-dua pihak saling bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda kenangan dan sesi lawatan kerja ini diakhiri dengan jamuan makan tengah hari yang telah disediakan di Restoran Jamantori.



Warga Kerja IKM Zon Timur bergambar bersama YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKM.



Jamuan makan tengah hari yang disediakan di Restoran Jamantori di Indera Mahkota 2.



Kakitangan Koperasi Muafakat Makmur Berhad (KOMAKMUR) bersiap sedia untuk menyertai program.

Program Pasca Banjir Bersama Gerakan Koperasi Negeri Pahang

Maryam Hamidah Mohd Ghazi

Institut Koperasi Malaysia
maryam.hamidah@ikkm.edu.my

Inisiatif murni Gerakan Koperasi Negeri Pahang yang terdiri daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Pahang, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur, ANGKASA Pahang Zon 1 (Timur) dan koperasi-koperasi di negeri Pahang telah merealisasikan tanggungjawab sosial koperasi dengan membantu mangsa banjir 2020 yang terlibat melalui Program Pasca Banjir di Kampung Pulau Manis, Pekan pada 21 Januari 2021 yang lalu.

Program ini bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang. Semua kakitangan agensi, koperasi dan sukarelawan terlibat berkumpul di dewan SK Pulau Manis untuk bersarapan pagi dahulu dan kemudian dipecahkan secara berkumpulan untuk membersihkan tiga tempat di sekitar Kg. Pulau Manis yang terjejas dengan bencana banjir. Antara tempat yang terjejas adalah di SK Pulau Manis, Dewan Orang Ramai Kg. Pulau



Manis dan di beberapa rumah penduduk kampung. Sebelum aktiviti gotong-royong pembersihan dijalankan, wakil daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pulau Manis telah menyampaikan ucapan aluan dan mengucapkan terima kasih atas usaha untuk mengadakan program ini.

Objektif program ini adalah untuk merealisasikan "Coop Prihatin" dibawah tanggungjawab sosial koperasi selaras dengan prinsip ke-7 koperasi. Selain itu, tujuan lainnya adalah untuk membantu mangsa-mangsa banjir yang terlibat untuk membersihkan kediaman tempat tinggal mereka. Semua sukarelawan juga membantu untuk membersihkan kawasan persekitaran sekolah dan kawasan tempat tumpuan masyarakat kampung untuk berkumpul. Silaturahim antara gerakan koperasi juga dapat diertatkan dengan program kerjasama seperti ini. Program berakhir setelah semua tempat selesai dibersihkan dan jamuan makan tengah hari berupa bungkusan makanan diedarkan kepada semua yang terlibat. Bungkusan makanan ini telah disediakan secara bergotong-royong oleh kaum wanita di kampung ini.

Program ini telah disertai oleh seramai lebih 100 orang yang terdiri daripada kakitangan agensi-agensi kerajaan terlibat seperti SKM, IKM dan ANGKASA, Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan dan anggota-anggota koperasi. Antara koperasi yang terlibat memberi sumbangan ialah Koperasi Muafakat Makmur Berhad (KOMAKMUR), Koperasi Serbaguna Dara Berhad dan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA). Selain itu, turut terlibat ialah sukarelawan daripada Universiti Malaysia Pahang yang terdiri daripada pelajar-pelajar dan juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat yang telah menyediakan jentera kenderaan bomba untuk membantu membersihkan kawasan yang terlibat teruk banjir di mana banyak lumpur tebal yang hanya boleh



dibersihkan dengan semburan air daripada kenderaan bomba. Kakitangan IKM Zon Timur yang terlibat dengan program ini ialah Pengarah IKMZT Puan Haslinda binti Sujak, Timbalan Pengarah Cik Norhazilina binti Abd Halim, Pegawai Latihan Puan Maryam Hamidah binti Mohd Ghazi dan dua orang kakitangan sokongan.

IKM Zon Timur sangat berbesar hati dapat memenuhi tanggungjawab untuk membantu masyarakat sekitar dan diharapkan program-program kerjasama sebegini dapat diadakan lagi.



Penyerahan sumbangan bantuan banjir kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pulau Manis.



Aktiviti pembersihan lumpur tebal di Dewan Orang Ramai Kg. Pulau Manis.



Bersama Pengerusi Koperasi Kariah Masjid As Salam Puchong Perdana.

Program Khidmat Masyarakat

"Sentuhan Kasih"

Nazirah Baharudin

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah
nazirah@ikkm.edu.my

Pengarah IKM Zon Tengah mengedarkan barang keperluan kepada Pusat Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas.

Program Khidmat Masyarakat anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Tengah bertemakan "Sentuhan Kasih" pada 5 Mei 2021 yang lalu merupakan satu program berkaitan keprihatinan terhadap gerakan koperasi dan masyarakat setempat terutamanya pada saat negara dilanda ancaman pandemik COVID-19. Bertepatan dengan musibah ini, Zon Tengah mengambil kesempatan mengadakan aktiviti turun padang bersama komuniti menghulurkan sumbangan ikhlas kepada dua koperasi dan satu komuniti di tiga sasaran lokasi iaitu Koperasi Kariah Masjid As-Salam Puchong Perdana, Koperasi Kariah Masjid Nurul Yaqin Kundang Rawang Berhad dan Pusat Jagaan & Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas (kerjasama dengan Kelab Kebajikan Sukan & Sosial dan Badan Kebajikan Kakitangan Islam, IKM)



Pengarah IKM Zon Tengah menyerahkan sumbangan kepada golongan asnaf.



Sumbangan kepada Pengerusi Koperasi Masjid As-Salam.

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk menyantuni dan memberi sumbangan kewangan dan barangan keperluan harian kepada mereka yang terlibat. Secara tidak langsung program ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta mengukuhkan lagi semangat perpaduan antara IKM dengan gerakan koperasi kariah masjid dan badan kebajikan di negeri Selangor khususnya.

Antara lain pengisian program ini adalah memberi sumbangan berupa barangan keperluan harian seperti makanan kering, kelengkapan diri, *detergent*, kuih raya, agihan bubur lambuk dan lain-lain termasuklah sumbangan kewangan. Penerima sumbangan bagi Pusat Jagaan & Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas adalah terdiri daripada 45 warga tua dan 15 kakitangan, manakala bagi kedua-

dua koperasi kariah masjid melibatkan sumbangan barangan keperluan sebanyak 25 pek barangan kepada setiap penerima.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membantu meringankan beban pihak-pihak yang terlibat dan sekali gus menggambarkan keprihatinan pihak Institut Koperasi Malaysia kepada gerakan Koperasi Kariah Masjid dan badan kebajikan di negeri Selangor.



Pengarah IKM Zon Tengah menyerahkan sumbangan kepada Pusat Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas.



Pegawai Zon Tengah Encik Asha'ari menyerahkan sumbangan kepada Koperasi Kariah Masjid Nurul Yaqin.

Khidmat Masyarakat Ukhuwah Ramadan Al-Mubarak Anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Yusnita Othman
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara
yusnita@ikkm.edu.my



Peluang turun ke padang diisi dengan slot penerangan berkaitan faedah berkoperasi dan peranan IKM.



Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah IKM Zon Utara menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.

Kedatangan Ramadan pada tahun ini tetap disambut dengan meriah walaupun terpaksa menjalaninya dalam keadaan terbatas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik COVID-19. Mengambil keberkatan bulan yang mulia ini, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara tidak melepaskan peluang melakukan amal kebajikan yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Justeru, pada 02 Mei 2021 bersamaan 20 Ramadan 1442 yang lalu, IKM Zon Utara dengan kerjasama Koperasi Masjid Ar-Rahman Alor Merah Berhad bertempat di Alor Setar, Kedah telah berlangsung Program Ukhuwah Ramadan Al-Mubarak. Menerusi program ini, IKM Zon Utara telah turun ke padang bagi mendekati masyarakat dan menghulurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan. Dalam program yang sama, IKM



Edaran bubur lambuk oleh kakitangan IKM Zon Utara.



Bergambar kenangan bersama Pengerusi Koperasi Kariah Masjid Ar-Rahman Alor Merah Berhad, YBhg. Ustaz Azman bin Ali Mahsen.

Zon Utara turut memberi makanan untuk berbuka puasa kepada anggota kariah masjid dan orang awam.

Menyingkap kembali program ini, seramai **30 orang asnaf** telah menerima sumbangan dalam bentuk barangan asas. Majlis penyerahan sumbangan ini telah disempurnakan oleh Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah IKM

Zon Utara. Berpeluang menyantuni mereka, melahirkan rasa prihatin dan belas kasihan apabila mendengar luahan hati mereka yang diuji dengan kesusahan hidup. Semoga sumbangan yang diberikan ini dapat memberi sinar kebahagiaan dan meringankan beban yang dihadapi khususnya pada bulan Ramadan ini. Meninjau pula suasana

semasa mengedarkan bubur lambuk di perkarangan masjid, sebanyak **450 bekas bubur lambuk** telah berjaya diedarkan dalam tempoh 30 minit.

Pada kesempatan ini juga, IKM Zon Utara telah memberi kesedaran berkaitan **faedah berkoperasi** kepada orang awam dan asnaf yang hadir serta memberi pendedahan mengenai **peranan dan fungsi IKM Zon Utara** dalam pembangunan modal insan koperasi. Melihat perkembangan perniagaan koperasi ini, IKM Zon Utara telah membantu meningkatkan pengetahuan koperasi berkaitan khidmat bimbingan dan latihan yang boleh diperoleh daripada IKM Zon Utara khususnya bagi aktiviti peruncitan.

Secara keseluruhan, program ini mencapai objektif yang ditetapkan. Semangat kerjasama antara IKM Zon Utara dan koperasi bagi menjayakan program ini jelas kelihatan dan ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi silaturahim antara kedua-dua pihak. Diharap program seperti ini dapat diteruskan pada tahun hadapan.



Persiapan sebelum bubuk lambuk diedarkan kepada masyarakat setempat.

MiRiCLE

MILLION RINGGIT COOP LEAGUE

"Mengambil Tahu Untuk Membantu"

KELAYAKAN MiRiCLE

1. Koperasi berpotensi yang mahu dan ada komitmen meningkatkan prestasi.
2. Koperasi berpotensi yang bersedia bekerjasama dengan IKM.
3. Koperasi yang berpotensi dalam kluster mikro kecil dan sederhana.

APA ITU MiRiCLE

Program meningkatkan pendapatan koperasi kepada nilai jutaan.

TUJUAN WUJUD MiRiCLE

Meningkatkan kesejahteraan anggota dan koperasi melalui peningkatan pendapatan.

KENAPA MiRiCLE

Membantu koperasi mikro kecil dan sederhana yang berpotensi membangun dengan lebih terancang serta memperkasa sosioekonomi anggota koperasi.

STRATEGI MiRiCLE

- IKM Turun Padang ke koperasi.
- Program Tambah Nilai Kepada Perniagaan Koperasi.
- Program Bimbingan dan Susulan Bersasar.
- Pemantauan Berterusan.

ZON "TURUN PADANG"

- Kemahuan
- Kesediaan
- Keperluan

PUSAT KEPAKARAN- IKM

- Sektor / Teknikal
- Functional
- Konsultasi
- Penyelidikan
- *Mentoring / Coaching*

Bimbingan dan Latihan "On Demand"

Pembiayaan MiRiCLE



LALUAN PERTUMBUHAN MELALUI PENINGKATAN PRESTASI

- Tingkatkan produktiviti
- Kembangkan perniagaan sedia ada
- Mempelbagaikan perniagaan ke bidang baharu
- Amalan Pembudayaan Inovasi dan Aplikasi Teknologi

PENINGKATAN PENDAPATAN MELALUI TAMBAH NILAI

- Kursus
- Bengkel
- Khidmat Nasihat dan Bimbingan
- *Mentoring* dan *Coaching*
- Padanan Perniagaan



03-7964 9000



@miricleikm